AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 38 | RABU 18 SEPTEMBER, 1985. | 1406 رابو 3 محرم | PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah ketika merasmikan Pusat Dakwah Islamiah — Gambar oleh Ak. Bahar/Pg. Hj. Yaakub.

# UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM MULAKAN KURSUS 28 OKT. — Titah

Oleh Jaafar Ibrahim

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Universiti Brunei Darussalam akan memulakan kursusnya bermula dari hari Isnin 28 Oktober 1985 bersamaan dengan 13 Safar 1406 Hijrah.

Baginda bertitah, usaha-usaha ke arah penubuhan Universiti Brunei Darusslam itu kini telah berjalan dengan lancar termasuklah aspek-aspek akademik, fizikal, pemilihan pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengumumkan demikian ketika bertitah merasmikan pembukaan Pusat Dakwah Islamiah dan Pameran Perkembangan Islam bertempat di Bilik Persidangan pusat itu pada hari Isnin 16 September yang lalu.

"Alhamdulillah sejak pengumuman bagi penubuhan Universiti Brunei Darussalam usaha-usaha ke arah penubuhan itu telah berjalan dengan lancarnya termasuklah aspek-aspek akademik, fizikal, pemilihan pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut. Maka dengan pencapaian ini insya-Allah Universiti ini akan memulakan kursusnya mula dari hari Isnin 28 Oktober 1985 bersamaan dengan 13 Safar 1406 Hijrah," titah Baginda.

Penubuhan Universiti Brunei Darussalam itu diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara pada 23 April 1985 lalu.

Pusat Pengajaran Gadong kini dijadikan sebagai kampus sementara Universiti Brunei Darussalam yang terletak berdekatan dengan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di Gadong.

# Dakwah Islam berkesan berdasarkan ilmu pengetahuan sihat

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa usaha-usaha penyebaran Dakwah Islam hanya akan dapat berjalan dengan teratur dan berkesan jika dijalankan berdasarkan ilmu pengetahuan yang sihat dan cara-cara yang sesuai dengan peredaran zaman dan keadaan masyarakat yang dihadapi.

Baginda bertitah, Islam adalah ugama yang mengalakkan penganut-penganutnya menuntut ilmu pengetahuan yang sihat untuk menjadi bekalan hidup di dunia dan akhirat.

'Kita yakin bahawa Dakwah Islam yang dijalankan dengan cara teratur dan berkesan akan menambahkan kefahaman orang mengenai Islam dan dengan demikian memudahkan umat Islam menghayatinya dengan sepenuh keimanan dan membuka lebih banyak jalan kepada orang lain untuk menganuti Islam di negara ini," titah Baginda Yang Di-Pertuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika merasmikan pembukaan Pusat Dakwah Islamiah dan Pameran Perkembangan Islam yang berlangsung di Bilik Persidangan pusat tersebut di sini pada hari Isnin yang lepas.

Baginda bertitah penubuhan Pusat Dakwah Islamiah adalah semata bertujuan untuk memperkembangkan usaha mempertinggi dan memperkuatkan syiar Islam di Negara Brunei Brunei Darussalam.

**SEMPURNA**

"Dengan adanya Pusat Dakwah Islamiah ini kita yakin usaha-usaha kita untuk menjadikan Islam sebagai ugama utama di Negara Brunei Darussalam akan berjalan dengan lebih licin dan sempurna," titah Baginda selanjutnya.

Lihat muka 16

# Kebawah D.Y.M.M. rasmi Pusat Dakwah Islamiah

PULAIE. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemarduli menyempurnakan perasmian Pusat Dakwah Islamiah di sini pada hari Isnin yang lalu.

Berangkat sama ialah Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wa-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Mengalu-alukan keberangkatan Baginda ialah Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Yang Dimuliakan Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar; Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

Majlis pembukaan rasmi pada pagi itu bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disembahkan oleh Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Abu. Bakar kemudiannya diikuti dengan sembah alu-aluan yang disembahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejurus sebelum merasmikan pembukaan rasmi Pusat Dakwah Islamiah telah berkenan mengurniakan titah.

Bacaan doa selamat telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat-kerabat Diraja dijunjung pula untuk menyaksikan Pameran Perkembangan Islam bertempat di Balai Pameran pusat tersebut.

Pusat Dakwah Islamiah ini berharga kira-kira $11 juta yang didirikan di atas sekeping tanah seluas 10 ekar. Penubuhan Pusat Dakwah Islamiah ini dijadikan sebagai Institusi Perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyaksikan pameran Perkembangan Islam di Dewan Pameran — Gambar oleh Ak. Bahar/Pg. Hj. Yaakub.

**MANISNYA IMAN**

"TIADA akan sampai kepada Allah daging-dagingnya (korban) atau darahnya, akan sampai kepada Allah ialah takwa kamu." — Makna ayat 37, Surah Al-Haj.

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

18 SEPTEMBER, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PUSAT DAKWAH ISLAMIAH: KEBANGGAAN BANGSA YANG TAAT BERUGAMA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan bangunan Pusat Dakwah Islamiah pada hari Isnin, 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan dengan 16 September 1985.

Pusat Dakwah Islamiah didirikan di atas sekeping tanah yang mempunyai keluasan maksima kira-kira 10 ekar. Ia terletak berdekatan dengan Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Pembinaannya yang bermula pada pertengahan tahun 1981 dan selesai pada tahun 1984 ini menelan belanja keseluruhan sejumlah kira-kira 11.5 juta ringgit Brunei.

Pusat Dakwah Islamiah mula digunakan pada 1 Januari 1985 iaitu setahun setelah kita mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat penuh dengan terus mengekalkan identiti dan corak negara Melayu Islam Beraja.

Pusat Dakwah Islamiah mempunyai rekabentuk yang diadun antara ciri-ciri bangunan moden dan tradisional Islam, seterusnya berfungsi sebagai sebuah institusi perkembangan dan kemajuan Islam di bumi yang penuh dengan kebajikan ini. Tambahan kepada itu, Pusat Dakwah Islamiah akan dijadikan saluran pertukaran maklumat mengenai dengan pengetahuan-pengetahuan baru untuk kegunaan masyarakat Islam baik yang tinggal di negara ini mahupun yang tersebar di merata dunia lainnya.

Bangunan yang indah dan jadi kebanggaan bangsa yang mencintai tanahair, mentaati raja dan menyukai keamanan dan perkara kebajikan ini lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas yang di antaranya termasuklah bilik persidangan yang nanti dapat digunakan bagi mengadakan persidangan-persidangan, seminar-seminar baik yang bersifat tempatan mahupun bertaraf antarabangsa. Bilik persidangan yang dilengkapi dengan alat moden seperti alat-alat pendengaran bagi terjemahan terus dan lain-lain keperluan afdal dianggarkan boleh memuat antara 300 hingga 400 orang peserta.

Sebuah perpustakaan rujukan yang memuat bermacam-macam jenis buku rujukan mengenai dengan perkembangan Islam juga disediakan agar ia akan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang berminat untuk mengetahui atau untuk lebih memperdalami lagi ilmu di bidang ini.

Bagi menyuburkan keteguhan kita dalam penghayatan amalan berugama maka Pusat Dakwah Islamiah juga menyediakan sebuah bangunan khas yang dijadikan sebagai 'Balai Pameran Tetap' dalam mana akan ditempatkan, disimpan serta dipamerkan segala kesan-kesan sejarah — turath — mengenai Islam dan perkembangannya untuk kepentingan jangka panjang negara kita dan isi di dalamnya.

Wujudnya Pusat Dakwah Islamiah ini tambah membuktikan lagi tentang kekukuhan, kesedaran yang tinggi dan keyakinan serta kemantapan bangsa kita dalam ertikata mengketarakan lagi sifat Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja, suatu bangsa yang menyanjung tinggi nilai-nilai murni di samping menyukai perkara-perkara kebajikan dan menghindarkan diri dari perkara-perkara yang mendatangkan keburukkan.

Fahaman kita yang Islam itu sebagai kepercayaan — akidah — bererti ia mengandungi dogma-dogma itu adalah untuk diyakini. Sebagai cara hidup — syariah — ia mengaturkan sistem dan sistem itu adalah untuk dihayati. Kerananya penghayatan dengan yakin bermaksud mengamalkan secara fardu ain dan fardu kifayah. Dan kita sama-sama berperanan untuk lebih mengketarakan, maka kitalah yang nanti sama-sama memelihara keunggulan serta kepentingan Pusat Dakwah Islamiah ini dalam setiap usaha-usahanya untuk menyebarluaskan lagi semangat serta kemurnian syiar Islam.

Dengan adanya dokongan-dokongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sokongan yang berterusan dari rakyat dan penduduk negara ini, maka sesungguhnya hasrat kita bagi menjadikan negara ini sebagai pusat syiar Islam yang berwibawa dan sentiasa disegani insya-Allah akan dapat kita capai kerana sesungguhnya kita adalah suatu bangsa yang sejak zaman berzaman meletakkan ajaran-ajaran Al-Quran ditempatnya yang paling tinggi sebagai dasar pedoman kelangsungkan hidup kita hinggalah ke hari ini, seterusnya untuk generasi-generasi akan datang.



AWANG Abd. Halim Haji Saim, Pegawai Bank Standard Chartered sedang memberikan penerangan kepada para peserta Kursus Juruwang — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

## Hadiri Kursus Juruwang

GADONG. — Tiga orang pegawai Lembaga Matawang dan lima orang kakitangan Bank Standard Chartered telah menjalani Kursus Juruwang selama tiga hari di Unit Latihan Bank Standard Chartered di sini bermula 11 September lepas.

Jurucakap bank itu berkata, kursus itu bertujuan bagi mendedahkan pelbagai aspek perakaunan dan sistem keselamatan di bank-bank kepada para peserta di samping meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam tugas-tugas juruwang.

"Kursus ini diberikan dalam bentuk teori dan amali dan buat pertama kali para pegawai dari sektor kerajaan dijemput menyertainya," jelas beliau.

Selain dari mendengar ceramah, dari Awang Tony Morgans, Pengurus Latihan Bank Standard Chartered dan Awang Abd Halim Haji Saim, pegawai bank berkenaan, para peserta juga berpeluang berbincang dan menonton tayangan video.

Para peserta kursus terdiri dari Awang Mahadi Haji Ibrahim, Pengiran Hajjah Rokiah binti Pengiran Anak Haji Maida dan Awang Osman bin Tengah dari Lembaga Matawang.

Manakala kakitangan Bank Standard Chartered pula terdiri dari Awangku Haji Kamaruzzaman Pengiran Haji Badaruddin, Awang Jeffrey Wong, Dayang Sarah Omar, Dayang Mariah Baik dan Dayang Christina Heng.

## Bengkel gulintangan hayati ciri kebudayaan bangsa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha Rusila Negara mengadakan Bengkel Gulintangan adalah langkah yang amat konstruktif ke arah menanamkan minat generasi muda dalam menghargai dan menghayati ciri-ciri kebudayaan bangsa.

Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata, perkara itu menjadi lebih penting dalam zaman pembangunan seperti yang dialami sekarang kerana ia akan dapat memberikan suatu imbangan sihat di antara kemajuan sains dan teknologi dengan perkembangan mental dan spiritual bangsa.

Ketika berucap merasmikan Bengkel Gulintangan dan Mesyuarat Agung ketiga Rusila Negara di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka pada petang Jumaat lepas, beliau menegaskan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara kecil di rantau ini masih berkemampuan mempertahankan kemurnian muzik tradisional meskipun

Abdul Karim HAB

kerap kali bertembung dengan muzik moden.

"Muzik tradisional di negara ini masih lagi dapat bertapak kukuh dengan bentuk lama yang dapat kita akui kepunyaan bangsa Brunei lebih-lebih lagi peralatan yang mengiringi muzik itu adalah buatan tempatan, kehalusan buah tangan orang-orang Melayu Brunei," katanya.

Tetamu kehormat menyarankan kepada pes bengkel agar dalam rumu mereka nanti memasuk cadangan supaya muzik tr sional Gulintangan dapat jarkan secara penuh tematik sesuai den keperluan peralatan m masa kini, khususnya kep generasi muda yang a mewarisi khazanah perl daharaan kebudaya bangsa dan negara.

## 74 belia ikuti Bengkel Gulintangan

BANDAR SERI BEGAWAN. Seramai 74 orang ahli-ahli persatuan belia dan kakitangan Kerajaan telah mengikuti Bengkel Gulintangan dan Gamelan Melayu anjuran Rusila Negara dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Penuntut-Penuntut Brunei di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bengkel selama seminggu itu dirasmikan oleh Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani pada petang Jumaat lepas di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menurut jurucakap persatuan itu, bengkel itu diadakan sempena Perayaan Hari Keputeraan ke-39 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Bengkel ini diharap sedikit sebanyak dapat memupuk dan menambah pengetahuan kita terhadap salah satu cabang budaya kita yang semakin pupus dan mungkin hilang ditelan zaman yang serba mencabar. Permainan muzik tradisi ini amat perlu dipelihara dan dihidupkan semula agar ia tetap cemerlang dan bersi sebagai warisan bangsa," beliau.

Para peserta, katanya, a dapat mempelajari tel pukulan atau paluan mempunyai pengert tersendiri dan diharap akan dapat menghayati agar ia menjadi ama supaya permainan tradisi akan berkembang luas.

Tiga orang pensyarah Universiti Kebangs Malaysia, dan seor pegawai kanan Jaba Dewan Bahasa dan Pust Brunei dijemput memb tangkan kertas kerja bengkel itu.

Mereka terdiri dari Harun Mat Piah, Pensya Kanan UKM, Awang I Shaharuddin, Pensyarah stitut Bahasa Kebudayaan Melayu, UK Wan Yahya Abdull Penyelaras Projek Hal-Eh Pelajar UKM dan Awang Ahmad, Pegawai Penyel Kanan Dewan Bahasa Pustaka Brunei.

Para peserta juga an lain diberi latihan meng persiapan seseorang pe gamelan, latihan asas seor penari, latihan memukul muzik, mengenal rentak l dan notasi muzik tradisi.

## PERADUAN SLAID BERWARNA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan peraduan SEHARI mengambil slaid berwarna kali kedua yang akan diadakan pada hari Ahad 22 September depan.

Peraduan itu terbuka kepada orang ramai, ahli-ahli pertubuhan dan Kelab-Kelab Fotografi di seluruh negara.

Peserta-peserta yang berminat diminta berkumpul di depan Bangunan Radio Televisyen Brunei di sini bagi pendaftaran dan mengambil filem yang dikhaskan pada jam 7.00 pagi.

Hadiah-hadiah menarik akan diberikan kepada pemenang-pemenang yang disumbangkan oleh Leong Camera dan Watch Services.

Keterangan lanjut mengenai peraduan itu boleh didapati dari Haji Kamaluddin PDP Haji Abu Bakar atau Mohd. Yusof bin Yassin di RTB.

## Orang ramai dipelawa jadi keluarga angkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sukacita dimaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam berserta negara-negara ASEAN yang lain dan Jepun akan menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1985.

Kapal Belia ini akan singgah dalam siri lawatan ke negara-negara ASEAN, dan ke Negara Brunei Darussalam pada 31 Oktober hingga 4 November depan, dan membawa seramai 252 orang belia dari negara-negara ASEAN dan Jepun.

Salah satu acara dalam siri lawatan itu ialah rancangan Keluarga Angkat. Oleh yang demikian, orang ramai adalah dipelawa menjadi keluarga angkat bagi belia-belia tersebut, dengan mengisikan borang-borang yang boleh diperolehi dari Bahagian Urusetia Rancangan Keluarga Angkat, Tingkat Tiga Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Sheikh Al-Azhar di Istana Nurul Iman.



SHEIKH Al-Azhar menyembahkan sebuah cenderamata ke hadapan majlis Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

# ULAMA REPUBLIK MESIR LAWAT BRUNEI

Oleh Ahat Ismail

GAMBAR-Gambar oleh Haji Sharbini, Ak. Bahar PHO, Pg. Hj. Yaakub dan Harun Rashid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Hadrat Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif dari Republik Arab Mesir, di Istana Nurul Iman di sini Sabtu lepas.

Dalam istiadat itu, Hadrat Sahibul Fadhila Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif menyembahkan sebuah cenderamata ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, juga telah berkenan menerima mengadap Hadrat Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif.

Di istiadat itu Hadrat Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif juga telah menyembahkan sebuah cenderamata ke hadapan majlis Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Hadir sama di kedua-dua istiadat itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Duta Besar Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Tuan Magdy Sabry.

Semasa berada di negara ini pelawat Mesir itu telah mengadakan kunjungan kehormat kepada Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abd. Aziz dan juga melawat ke Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Selain mengadakan lawatan, Hadhrat Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif juga telah memberikan syarahan khas kepada umat Islam di Masjid Omar Ali Saifuddien dan seterusnya menjadi Imam sembahyang Fardu Jumaat di sini.

Sheikh Al-Azhar adalah satu jawatan penting dan tertinggi di Republik Arab Mesir. Berkedudukan sebagai Ulama yang terbesar, serta Sheikh Al-Azhar bukan semata-mata jawatan tertinggi bagi Universiti Al-Azhar yang masyhur itu bahkan jawatan tersebut mempunyai pengaruh yang besar di Mesir dan lain-lain negara Islam.

Sebelum menjawat jawatan Sheikh Al-Azhar, Hadrat Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif adalah bekas Mufti Republik Arab Mesir.



HADRAT Sahibul Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Sheikh Jadal Haq Ali Jadal Haq Sheikh Al-Azhar Ash-Sharif memberikan Syarahan Khas di Masjid Omar Ali Saifuddien.



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, menerima cenderamata daripada Sheikh Al-Azhar.



YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya menyampaikan cenderamata kepada Sheikh Al-Azhar di Jabatan Hal Ehwal Ugama.



PENUNTUT-Penuntut Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit mempersembahkan Nasyhid Marhaban Syaraftumuna, sebaik-baik saja Sheikh Al-Azhar berdiri di pentas khas.



KUNJUNGAN Kehormat Sheikh Al-Azhar kepada Menteri Pelajaran dan Kesihatan bertempat di Kementerian tersebut.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-294



# PUAK BATINIYYAH Siri ke-21

ADAPUN Ahlil-Haq, maka Allah Taala bukakan pintu hati mereka pada perkara yang menjadikan mereka damping dan dekat hampir kepada Allah Taala, dan mereka bertambah-tambah kuat iman mereka pada memahami ilmu pengetahuan yang ada dalam Al-Quran dan dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pada memahamkan rahsia kalamullah dan rahsia sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Adapun Ahlidz-Zalam (Ahli Sesat dan salah dan batil) maka dibukakan pintu hati mereka pada perkara yang menjauhkan perhubungan mereka dengan Allah dan ingatkan Allah dan beriman dengan Allah dan bertambah-tambah mereka jauh dan bertambah putus hubungan mereka dengan Allah, dengan mengerjakan perkara dunia yang tiada berfaedah dan sia-sia itu, dan dengan mengerjakan perkara yang membawa menutup akal fikiran mereka, dan bertambah-tambah pada tiap-tiap hari jauh dan putus hubungan dengan Allah dan bertambah-tambah gelap jiwa mereka dengan disaruk oleh syaitan, dan bertambah daripada mereka perkara ajaib yang mereka asyik padanya.

Ini dipetik dari 'Uqudul-Almas.

Dari perkataan-perkataan ulama di atas ini, maka kita dapat faham, jika berlaku sesuatu perkara ganjil, pelik, ajaib, dan luar biasa (Khawariq), daripada orang kafir sama ada Yahudi, Nasrani, penyembah berhala, Majusi dan penyembah api, tiadalah menunjukkan di atas betul dan benar orang-orang itu dan mereka berjalan di atas ugama yang benar atau ugama Allah ugama Islam, hanya perkara pelik (Khawariq) yang terbit daripada orang kafir itu ialah istidraj dan makrullah ke atas mereka dan siksa Allah ke atas mereka selagi mereka tiada dapat hidayat daripada Allah Taala, begitu juga jika perkara-perkara pelik itu terbit daripada orang-orang fasik seperti orang tiada sembahyang, tiada berzakat, tiada berpuasa dan tiada pergi haji ke Mekah Al-Mukarramah bila berkuasa pergi, peminum arak, pemukah dan penzina, ahli sihir, pemuja hantu syaitan, penzalim, penganiaya, ahli rasuah, pembohong, pengancum, dayyus dan Quuwad (menghimpunkan laki-laki dan perempuan bagi hawa nafsu), dan lain-lain lagi dosa-dosa besar, itu juga istidraj dan makrun daripada Allah selagi mereka tiada bertaubat mengaku salah kepada Allah dan meninggalkan perkara yang membawa ia menjadi fasik itu.

Maka perkara yang pelik yang terbit daripada ahli kuntau, ahli pencak dan ahli silat dan ilmu seni silat dan mempertahankan diri itu, jika ahli kuntau itu orang fasik, bagaimana tersebut ertinya di atas ini, maka ahli kuntau dan seni silat dalam mempertahankan diri itu masuk dalam istidraj dan makrullahu Taala ke atas mereka dan melorongkan mereka terjerumus dalam kecelakaan dan suul-khatimah dan api neraka, dengan sebab perkara pelik berlaku pada diri mereka.

Menurut dalam 'Uqudul-Almas :

Adapun wali Allah, maka berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar dalam Fathul-Bari adalah wali itu ialah orang kenalkan Allah Taala, sentiasa berbuat taat kepada Tuhannya, lagi ia ikhlas dan tulus dalam ibadatnya.

Berkata Al-Imam Al-Qusyairi dalam Ar-Risalatul-Qusyairiyyah : Erti wali itu boleh difahamkan dengan dua erti, sama ada lafaz wali itu lafaz mubalighah seperti Alim dan Qadir dan erti wali itu orang yang sentiasa berbuat taat kepada Allah Taala dengan tiada diselangi oleh sesuatu maksiat atau dosa. Atau lafaz wali itu seperti lafaz Qatil bermakna Maqtul atau Jarih bermakna Majruh, maka erti wali di sini ialah orang yang dipelihara oleh Allah Subhanahu Wataala akan dia, di atas sentiasa dan kekal dalam taat, dan tiadalah Allah jadikan kepadanya sifat Al-Khuzlan yang berdaya berbuat dosa, bahkan Allah Taala kurniakan dia kekal di atas taufik iaitu berdaya berbuat taat kepada Allah Taala, sebagaimana firman Allah yang bermaksud :

*"Dan Dia (Allah) yang membimbing (memimpin) orang-orang Saleh."*

*Tamat katanya.*

Iman yang betul yang kuat yang tetap ialah asal bagi perkara wali itu, dan iman yang kuat itu datang himmah hamba Allah dan azamnya yang lazim pada menambah-nambahkan sempurna takwa dan menjalankan hak-hak kehambaan, dan bersungguh-sungguh hendak berdamping dengan Allah, dengan membuat apa perintah-Nya dan berusaha pada mencari keredaan-Nya, dengan membuat perkara-perkara wajib dengan cukup-cukup sempurna serta hadir hati dan khusyuk merendah diri kepada Allah Taala, sebagai menurut perintah Tuhannya, dengan tiada mencari faedah bagi diri semata-mata memandang nikmat Allah ke atasnya dari itu hilang daripadanya sifat-sifat lalai, ujub, ria, dan menuntut pahala, hanya dapat sifat-sifat itu dengan limpah kurniaan Allah jua, sebagaimana iktikad ahlis-sunnah wal-jemaah, jadi amalnya itu kerana Allah semata-mata sebagai ia hamba-Nya, dan jadilah ibadatnya ibadat hamba kepada Tuhan yang benar dan hak.

Adapun takwa yang bererti menurut perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, mestilah ada dari mula-mulanya pada wali-wali itu, kerana takwa suatu perkara yang lazim bagi iman yang betul, dan buah iman itu, dan iman sahih itu berdasar iktikad yang betul menurut iktikad mazhab ahlis-sunnah wal-jemaah (yang selamat sejahtera dari api neraka dan suci dari salah dan sesat itu, bagaimana kita sebutkan dalam kitab ringkasan ahlis-sunnah wal-jemaah, yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei).

Apabila terbit perkara yang ganjil dan pelik daripada orang-orang yang bersifat dengan sifat yang di atas ini iaitu wali Allah, maka perkara pelik itu ialah namanya keramat.

Tujuan keramat zahir pada wali-wali Allah itu ialah kerana menetapkan hati mereka dalam sentiasa taat kepada Allah dan rasul-Nya, atau menzahirkan darjat mereka dan menyokong mereka, atau Allah Taala menzahirkan kelimpahan Lutfullah berlaku di tangan mereka dan dalilnya firman Allah Taala dalam Surah Hud ayat 120 yang bermaksud : *"Dan tiap-tiap berita dari berita rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya."* Firman Allah dalam Surah Al-A'araf ayat 196 yang bermaksud :

*"Dan Dialah jua yang menolong dan memelihara orang-orang yang berbuat kebaikan."*

Dalam hadis Qudsi sabdanya yang bermaksud :

*"Sesiapa yang memusuhi Wali-Ku, maka Aku telah membenarkannya memeranginya."*

Sabdanya :

*"Dan sekiranya ia meminta kepadaku nescaya aku akan memberinya. Dan sekiranya dia minta diperlindungi nescaya aku akan melindunginya"*

Barangsiapa Allah Taala beri nur dan cahaya dan furqan, maka tiadalah terlindung kepadanya mana yang hak dan mana yang batil, dalam dunia ini ada hak dan nur dan orang-orangnya, dan ada batil salah dan gelap gelita dan ada pengikut-pengikutnya, dan masing-masing puak itu asyik dengan perkaranya dan usahanya, dan Allah Taala telah berkehendak penuhkan api neraka dengan jin dan manusia sekalian dengan firman Allah dalam Surah Hud ayat 119 yang bermaksud :

*"Dan dengan demikian sempurnalah janji Tuhanmu : "Sesungguhnya Aku akan penuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)."*

Setengah orang tiada dapat mengenal atau dapat membezakan apa dia keramat bagi wali-wali dan apa dia perkara yang pelik-pelik yang terbit dari ahli sihir, ahli tilik, ahli nujum, tok pawang, dan ahli silap mata, benda-benda yang pelik yang jadi dari tabiat yang ganjil, dan daripada ahli tapa orang Hindu yang bernama kumpulan Jauki, dan benda-benda yang pelik dari perbuatan orang-orang ahli Mandal yang dikenal sekarang dengan Tanwimum Mighnatisi (iaitu menidurkan seseorang dengan jampi-jampi supaya ia mengkhabarkan sesuatu perkara) dan benda-benda yang pelik dari ahli orang yang menghadirkan roh-roh yang dikenal pada zaman dahulu menghadirkan jin (istihdharul-arwah), dan dari perkara-perkara pelik dari ahli tangkal dan azimat dan banyak lagi perkara yang pelik, dan pada orang-orang itu tiada iman yang boleh mereka membezakan mana keramat dan mana yang bukan keramat dari perkara sihir dan perkara roh dan perbuatan ahli batil dan sesat itu. Dipetik dari 'Uqudul-Almas.

**Wajib masuk ugama Islam :**

Berkata Al-Habib Abdullah bin Hussin Ba'uli dalam Sullamut-Taufiqi Ila Mahabbatillahi 'Alat-Tahqiq : Wajib di atas sekalian orang mukallaf (akil baligh), laki-laki dan perempuan masuk dalam ugama Islam, adapun orang Islam wajiblah tetap dalam ugama Islam selama-lamanya setiap waktu dan masa, dengan mengaku menanggung menjalankan perkara-perkara yang wajib dari hukum-hukum Islam sama ada perkataan iktikad dan perbuatan.

Setengah dari perkara yang wajib ialah mengucap dua kalimah syahadat dengan segera, kiranya orang itu kafir, dan jika kiranya ia orang Islam, maka tiadalah wajib ia mengucap, melainkan dalam sembahyang pada tahyat akhir.

Dua kalimah syahadat itu ialah Asyhadu Alla Illaha Illallah, Wa Asyhadu Anna Muhammadar-Rasulullah dengan mengetahui erti keduanya dan membuang iktikad yang menyalahi ugama Islam, kiranya orang kafir itu mahu masuk Islam.

Ertinya : Aku naik saksi dan aku yakin, aku iktikad, aku beriman dan aku percaya bahawa tiadalah ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah jua, dan aku naik saksi dan aku yakin aku iktikad, aku beriman dan aku percaya bahawa Nabi Muhammad itu Rasulullah dan pesuruh-Nya kepada manusia dan jin sekalian.

Berkata Al-'Allamah Abdullah bin Umar bin Yahya Al-'Alawi dalam kumpulan fatwanya : Erti Asyhadu Alla Illaha Illallah : "Bahawa saya ketahui, saya iktikad dengan hati saya, dan saya terangkan kepada orang lain : Bahawa tiadalah ada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya dalam alam ini atau dalam wujud ini melainkan Allah Taala, dan Allah Taala itu terkaya daripada yang lain, dan yang lain itu berhajat kepada Allah Taala, dan Allah Taala itu bersifat dengan segala sifat yang sempurna, yang suci dari segala sifat yang kurang dan cacat, dan suci dari segala apa yang terlintas di dalam hati manusia. Allah tiada mempunyai isteri dan tiada mempunyai anak, dan Allah Taala tiada menyerupai seseorang sama ada pada zat atau sifat atau pada perbuatan."

Erti Asyhadu Anna Muhammadar-Rasulullah : Bahawa saya ketahui, saya iktikad dengan hati, dan saya nyatakan kepada orang lain : Bahawa Sayidina Muhammad bin Abdullah itu, hamba Allah dan Rasul-Nya kepada seklaian manusia dan jin. Dan baginda benar pada segala apa yang dikhabarkannya, wajiblah di atas sekalian manusia percayakan baginda dan mengikut ajaran-Nya, dan haram di atas mereka mendustakan baginda dan menyalahi ajarannya, barangsiapa mendustakan baginda, maka dia telah menzalimkan diri sendiri dan menjadi kafir, dan barangsiapa menyalahi ajarannya dengan tiada mendustakan baginda, maka dia telah membuat dusta dan rugi. Tamat.

**Wajib di atas orang memelihara Islamnya :**

Wajib di atas tiap-tiap orang Islam laki-laki dan perempuan, memelihara Islamnya dan menjaga Islamnya dari terkena rosak dan binasa, dan merosakkan Islam dan memotong Islam itu namanya riddah atau keluar dari ugama Islam.

Riddah itu sejahat-jahat kufur, orang-orang telah bermudah-mudah sangat pada zaman sekarang, melepaskan mulut dan bercakap-cakap, sehingga terbit dari lisan setengah-tengah mereka lafaz-lafaz dan ibarat-ibarat yang mengeluarkan mereka dari ugama Islam, dan mereka tiada nampak lafaz-lafaz itu sebagai suatu dosa, apatah lagi lafaz-lafaz itu adalah lafaz-lafaz kufur, kerana mereka sangat-sangat jahil dalam ugama Islam dan kerana tiada ada orang yang engkarkan perkara mungkar yang menjadi-jadi sekarang, (dengan sebab umpama majalah-majalah, akhbar-akhbar, filem-filem, buku-buku, radio dan televisyen yang membawa mungkar dan kufur itu dari satu benua ke satu benua).

Riddah atau keluar dari ugama itu berlaku dengan tiga macam :

1. Riddah dengan iktikad dan kepercayaan.

2. Riddah dengan perbuatan dan kelakuan.

3. Riddah dengan percakapan dan perkataan.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 September, 1985 hingga ke hari Selasa 24 September, 1985 adalah seperti di bawah ini :——

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| September | | | | | | | | | | | | |
| 18–20 | 12.21 | 3.36 | 3.37 | 6.24 | 6.25 | 7.37 | 7.38 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |
| 21–24 | 12.19 | 3.35 | 3.36 | 6.22 | 6.23 | 7.34 | 7.35 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.08 | 6.09 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# BERJUDI MENDATANGKAN KERUGIAN DARIPADA MEMBAWA KEKAYAAN




BERTAKWALAH tuan-tuan ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Melakukan judi atau zina atau minum arak itu mempunyai akibat-akibat kejahatan yang sama-sama besar walaupun berlainan bentuknya. Akibat-akibat dari kejahatan-kejahatan itu lebih besar lagi jika dilakukan ketiga-tiganya sekali. Kerana itu Allah Subhanahu Wataala telah melarang keras dan mengharamkan manusia daripada melakukan tiap-tiap maksiat itu bahkan melarang mereka supaya jangan sekali-kali menghampiri atau mencuba melakukannya. Kerana baik judi, baik zina, baik minum arak kalau dihampiri tentu manusia mudah terpengaruh dan tercebur ke dalamnya, dan kalau dicuba tentu sahaja percubaan itu akan diulangi lagi sehingga akhirnya akan menjadi minat dan kegemaran, lalu menjadi ketagih yang tiada mudah dihapuskan.

Sebagai contoh cuba kita perhatikan seorang yang ketagih judi, mula-mula boleh jadi dia hanya berjinak-jinak dengan pemain-pemain judi, selalu melihat mereka bermain pakau, atau bersabung ayam dengan tujuan bertaruh atau lain-lain jenis permainan judi. Kemudian timbul rasa seronok melihatnya lebih-lebih lagi bila melihat orang yang menang judi mendapat untung beratus-ratus atau beribu-ribu ringgit dengan cara yang mudah, lalu datang keinginan untuk mencuba mana tahu akan menang dan dapat untung pula. Sekali dicuba terasa pula seronoknya, lama-lama dia jadi asyik tiada ingat lain melainkan judi, judi dan judi. Lama kelamaan dia sudah lupa segala tugas-tugas dan kewajipannya, lupa anak-anak dan isteri. Bahkan ada orang mengatakan orang yang asyik berjudi itu hingga lupa makan minum. Oleh kerana berjudi itu memerlukan wang sebagai modal maka orang berjudi tidak sayang-sayang mengeluarkan wang yang ada. Kalau kalah judi boleh jadi terpaksa bergadai atau berhutang, bahkan hingga sampai menjual segala harta benda, tanah dan rumah sendiri untuk memuaskan nafsu bermain judi. Manakala menang berjudi pula maka wang kemenangan itu diperjudikan lagi ataupun dijadikan nafkah anak-anak dan isteri. Dengan wang-wang yang haram itulah dia memberi pakai serta memberi makan minum keluarganya. Dari manakah datang berkat kepada kehidupan sekeluarga kalau sudah makan minum sendiri dan anak isteri dari wang judi, apakah dosa anak isteri di rumah terpaksa turut makan, minum dan memakai barang-barang yang didapatkan dengan cara yang haram, padahal seseorang itu wajib memberikan nafkah anak isterinya dengan jalan yang halal bukan dengan jalan judi.

Boleh dikatakan sekalian orang Islam yang akhil baligh memahami dan mengetahui bahawa bermain judi itu adalah dilarang oleh ugama Islam tetapi kerana didorong oleh keinginan dan ketagih judi jarang benar orang dapat membebaskan diri daripadanya melainkan dengan kemahuan dan keazaman yang kuat dan bersungguh-sungguh. Kerana itu orang-orang yang melibatkan diri dengan judi perlu menanamkan rasa kesedaran diri sendiri untuk menjauhkan diri daripadanya. Perlulah diingat bahawa berjudi jarang mendatangkan kekayaan bahkan sebaliknya membawa kerugian dan kemiskinan, manakala hasil-hasil kemenangan berjudi itu pula tiadalah halal sama sekali di sisi ugama Islam. Dalam pada itu kita umat Islam mustahaklah menolong saudara-saudara kita yang melibatkan diri dengan judi itu dengan jalan memberikan teguran yang membina atau nasihat yang baik dengan cara bijaksana, mudah-mudahan dengan jalan yang sedemikian mereka akan insaf dan sedar akan kejahatannya.

# MEREKA YANG TIDAK GEMAR SIKAP SILATURAHIM DIBENCI OLEH ALLAH

DALAM mengejar kesenangan dan kemudahan hidup dewasa ini, kita tidak terlepas dari sebutan sebagai ahli masyarakat di mana pun kita berada, kerana sifat manusia yang waras adalah memerlukan kehidupan bahagia dan memahami kehendak masyarakat itu sendiri. Kalau kita tinggal di dalam sebuah kampung, penduduk dan jiran-jiran yang berdekatan adalah masyarakat kampung, kita tinggal di rumah-rumah sewa atau flat-flat pun kita hidup dalam masyarakat bandar, bekerja di pejabat atau firma-firma di mana pun sesama kakitangan dan pekerja-pekerja di tempat kita bertugas pun sebahagian daripada masyarakat, pokoknya kita tidak boleh lari dari masyarakat. Kerana kita selaku menusia yang mempunyai akal dan fikiran yang berbeza dengan haiwan, maka itu, selaku warga masyarakat, kita berkewajipan memenuhi kehendak masyarakat itu sendiri, terutama mempunyai hubungan silaturahim sesama jiran tetangga, sesama penduduk yang sekampung, kawan-kawan sepekerjaan, sepejabat apalagi kaum keluarga dan sesama Islam.

Dalam semua ahli masyarakat tersebut kecuali keluarga yang hampir pada kita iaitu jiran tetangga, sekampung dan sepejabat, kepada mereka ini kewajipan kita adalah saling hormat-menghormati dan menjalinkan silaturahim, tolong-menolong. Terutama bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini disebut sahaja orang Brunei ianya sudah tidak asing lagi malah sebagai satu kewajipan dan adat kepada kita sejak datuk nenek kita dahulu bahawa setiap ada perkara "suka duka" baik di dalam keluarga, kampung dan orang-orang yang kita kenali, kita akan berkunjung dan memberikan tenaga bakti ala kadarnya, satu-satu sifat yang mencerminkan keperibadian dan harga diri yang mulia, seperti kita dalam masyarakat. Di kampung-kampung jika terdapat majlis — seperti majlis bertahlil, berzikir, perkahwinan, kematian dan sebagainya, kita akan datang menghadirinya jika tidak ada keuzuran, orang-orang tua kita kadang-kadang mencakapkan dan mengingati kita supaya datang malah kalau orang tua kita tidak dapat hadir ia menyuruh anak buahnya sebagai wakil dan berpesan pula tentang keuzurannya tidak dapat hadir itu, inilah satu sikap orang-orang Brunei kita yang dapat dibanggakan dan semoga akan terus hidup subur di Brunei merdeka yang berdaulat ini.

Dalam Al-Quran surah An-Nisa' ayat 36 Allah berfirman yang kira-kira bermaksud: *"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong, takbur dan membangga-banggakan diri."* Begitu besar peringatan Allah terhadap manusia yang mengakui dirinya sebagai seorang Islam di mana manusia yang waras tidak hanya memikirkan kepentingan dirinya sendiri, bersikap keakuan atau ego. Kalau ia tidak ingin mahu jadi "kera sumbang" maka sifat keegoan dan tidak mahu mencampuri "suka duka" masyarakatnya baik di kampung, pejabat dan lainnya wajiblah ia hindari. Orang yang tidak suka bergaul dalam masyarakat akan merasa kesunyian dalam kehidupannya, walaupun ianya mempunyai kedudukan dan harta kekayaan. Mereka yang tidak gemar dengan sikap silaturahim adalah manusia sombong yang dibenci oleh Allah sebagaimana dalam ayat 18 surah Luqman yang maksudnya: *"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong, takbur, lagi membanggakan diri."*

Seseorang yang terlalu rapat dan mempunyai hubungan yang baik dengan ketua atau orang yang berkuasa misalnya janganlah mengambil kesempatan buat kepentingan dirinya demi menyakiti dan membuat sesuatu kepada orang lain yang dibenci dan tidak disukainya, satu sikap yang kurang baik, sifat berpoya-poya dan bermuka-muka, bukankah paling bahaya kalau orang yang diharapkannya itu sudah tidak ada atau tidak berkuasa lagi, sudah tentu segala apa yang dibuatnya selama ini tidak akan berjalan lagi atau ketara segala perbuatannya yang kurang sihat itu, apa lagi jika sudah menjadi darah daging, adalah amat sukar buat menghilangkannya.

Maka itu kehidupan kita di dunia ini adalah cuma sementara sahaja, tidak hidup selamanya, kecantikan akan pudar, kekuatan akan lemah, hancur dan mati, bila kita mati orang yang hiduplah yang akan mengusahakan dan melaksanakan pengkebumian kita, bila kita ada majlis perkahwinan ahli masyarakatlah yang meramaikan dan meraikannya, begitulah jua dengan hal-hal suka duka kita. Maka itu sifat kunjung-mengunjungi antara kita dalam kehidupan masyarakat adalah perlu dan sangat-sangat dititik-beratkan oleh ugama. Sebuah hadis Nabi riwayat At-Termidzi; Abdullah bin Umar r.a. berkata Bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Sebaik-baik teman di sisi Allah ialah yang terbaik kepada temannya, dan sebaik-baik tetangga di sisi Allah ialah yang terbaik kepada tetangganya."*

Apalagi antara jiran tetangga yang terdekat kadang-kadang bila kita mempunyai hubungan yang baik, ianya lebih mesra daripada hubungan kita sebagai adik-beradik, ini disebabkan adanya sifat silaturahim yang sihat, yang terhindar dari sifat hasut-menghasut, dengki mendengki, fitnah dan sebagainya, satu riwayat dari Muslim, Abu Dzarr r.a. berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Hai Abu Dzarr, jika engkau memasak kuah, maka perbanyakkanlah airnya, dan perhatikan tetanggamu, maka berikan kepada mereka selayaknya."* Perbuatan beri memberi antara jiran tetangga apalagi sesama keluarga adalah satu amalan yang mendekatkan kita kepada keredaan Allah, ianya salah satu ibadat yang berkebajikan, yang menyerupai sedekah, mereka yang tidak terlalu kikir atau berkira-kira atau kedekut dalam bekerja untuk makan keluarganya dan bersedekah tidak bererti rezekinya akan berkurangan dan tidak mencukupi, selagi ia percaya dengan kekuasaan Allah yang amat pemurah dan memberi rezeki insya-Allah walaupun ia tidak mencapai taraf sebagai seorang yang berharta dan kaya dengan wang ringgit tetapi jiwanya akan sentiasa tenang dan bahagia dengan kehidupan yang sederhana. Kerana bukankah Allah telah menjanjikan sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 272 yang bermaksud: *"Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu (pula) tidaklah membelanjakan (mendermakan) sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah. Dan apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal (untuk kebajikan) akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan."*

## *Menuju keredaan Allah*

Begitulah tingginya perundangan Islam dalam ugama, kemanisan dan cita rasanya hanya akan terasakan bagi mereka yang mengerti dan mengamalkannya bukan hanya setakat pandai bercakap sahaja, kerana siapa pun boleh berbicara sebab lidah itu tidak bertulang.

*"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya? Amat besar kebencian di sisi Allah — kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."* Al-Quran surah Ash-Shaff ayat 2-3.

# HADIRI SIMPOSIUM

BANDAR SERI BEGAWAN.
Dua orang pegawai kanan Jabatan Ukur telah menghadiri perhimpunan agung kali kelima dan simposium bagi Pertubuhan Ukur dan Ekonomi Tanah Komanwel (Casle) di Kuala Lumpur.

Mereka ialah Awang Mohd Taib bin Haji Mohd Said, Juruukur Tanah Kanan dan Awang Naweh Abu Hanafiah, Pegawai Pemetaan.

Perhimpunan selama seminggu itu antara lain membincangkan kemajuan-kemajuan teknologi ukur tanah dan pemetaan; serta memikirkan teknologi masa akan datang bagi Komputer, ukur jarak jauh, gambar foto udara, pemetaan digital, seni membuat peta automatik, rekabentuk peta dan sistem-sistem maklumat tanah; sistem ukuran tanah bergeran untuk negara-negara yang membangun dan peranan ukur tanah dalam menanda sempadan EEZ's dan mengesan serta mengenal sumber dasar laut.

Perhimpunan tersebut diadakan dari 8 hingga 15 September.

## Pelukis-pelukis tempatan diseru

# KEKALKAN SIFAT-SIFAT KETIMURAN

Oleh Haniza Abdullah
Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar menyeru pelukis-pelukis tempatan supaya mengekalkan sifat-sifat ketimuran dalam menghasilkan sesebuah lukisan.

Menurut beliau, sebagai orang timur yang senantiasa dilingkungi oleh unsur-unsur ketimuran yang beradap dan berkebudayaan, pelukis-pelukis tanahair haruslah menghasilkan lukisan-lukisan mereka mengikut cara dan suasana ketimuran yang ada.

Dato Paduka Haji Judin menambah sekalipun profesion melukis hanya sebagai hobi atau pekerjaan tetap, sebagai orang timur yang mempunyai adap dan kebudayaan ketimuran, mereka haruslah menghasilkan lukisan mereka mengikut cara dan suasana orang-orang timur.

Dato Paduka Awang Haji Judin berucap demikian ketika merasmikan pameran lukisan anjuran persatuan Pelukis-Pelukis Brunei (PPB) yang berlangsung di Hotel Sheraton Utama pada hari Isnin minggu lepas.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Judin, Profesion melukis memerlukan ketabahan serta ketenangan jiwa, selain untuk mendapatkan keuntungan.

Walau bagaimanapun tambah beliau, bidang seni lukis ini tidak banyak diceburi oleh orang-orang tempatan, cuma ianya dijadikan sebagai hobi di masa lapang.

Ke arah meningkatkan lagi mutu dan taraf seni lukis tanahair beliau menyeru pelukis-pelukis supaya mengkaji dan mempelajari lebih dalam lagi tentang cara yang lebih efektif untuk menarik minat dan perhatian orang terhadap lukisan yang dihasilkan itu.

"Kerana peranan pelukis adalah penting dalam mengketengahkan kebolehan-kebolehan mereka dalam menyumbangkan pembangunan sesebuah negara," ujar beliau.



DATO Paduka Haji Judin bin Haji Asar, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, ketika berucap merasmikan pameran lukisan anjuran pelukis-pelukis Brunei.



DATO Paduka Haji Judin seterusnya menyaksikan pameran.

## IKUTI KURSUS PENGGAMBARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohammad Haranadi bin Haji Buntar, Pegawai Foto Kanan Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah berlepas baru-baru ini ke United Kingdom bagi mengikuti Diploma Course in Photography Studies selama sembilan bulan di Photographic Training Centre London. Penghantaran beliau adalah dalam skim Latihan Perkhidmatan Kerajaan dan akan memulakan kursus tersebut pada pertengahan bulan ini. Beliau telah berkhidmat dengan Pejabat Pusat Sejarah selama lebih kurang tiga tahun.



AWANG Haranadi

Sementara itu, Dayang Fatimah binti Talip, telah pulang baru-baru ini setelah menjalani kursus Latihan Penempatan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, dalam bidang penerbitan secara umum selama enam bulan. Manakala Dayang Rokiah binti Haji Mohd. Salleh ketika ini sedang menjalani kursus Latihan Penempatan bukan pelajar di Fakulti Sejarah, Universiti Malaya, dan beliau akan menamatkan kursus tersebut pada bulan Februari tahun depan. Setakat ini, Pejabat Pusat Sejarah telah menghantar seramai lima orang pegawai-pegawainya mengikuti kursus di seberang laut.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak Dari 18 hingga 24 September 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Serasa | 18.9.1985 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri | 18.9.1985 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 18.9.1985 | Rabu | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang | 18.9.1985 | Rabu | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut. | 19.9.1085 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 19.9.1085 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yussof Katimahar | 21.9.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 21.9.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mulaut | 21.9.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau | 21.9.1985 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang | 21.9.1985 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin | 21.9.1985 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md. Salleh Sungai Hanching | 23.9.1985 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan | 23.9. 1985 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 24.9.2985 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas | 24.9.2985 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 24.9.2985 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 24.9.2985 | Selasa | 3.30– 4.00 | ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 24.9.2985 | Selasa | 4.30– 5.00 | ,, |

# IBU BAPA BERTANGGUNGJAWAB JAGA KESELAMATAN ANAK-ANAK

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Abd. Kani bin Haji Md. Salleh, Pengarah Unit Petroleum, menyeru ibu bapa supaya menanamkan sifat-sifat kesedaran keselamatan kanak-kanak di jalan raya.

Katanya perkara ini penting, kerana ianya merupakan tanggungjawab setiap ibu bapa ke arah menjaga keselamatan mereka.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Pertandingan Akhir Lalulintas Shell Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Brunei dan Muara kali ke-18 yang berlangsung di kawasan tanah lapang bekas Rumah Sakit Lama di sini pada minggu lalu.



AWANG Abd. Kani bin Haji Md. Salleh, Pengarah Unit Petroleum ketika menyampaikan Perisai Rebutan kepada ketua pasukan Sekolah Rendah Kerajaan Datu Ahmad — gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Awang Abd. Kani seterusnya menjelaskan kemalangan jalan raya dewasa ini telah meragut jiwa terbesar di kebanyakan negara di dunia. Menurutnya, kemalangan tersebut bukan sahaja akan membebankan kesihatan diri dan keluarga mangsa yang terlibat malahan juga akan menjejaskan negara.

Kerana, jelas beliau, setiap tenaga adalah diperlukan, di mana tenaga yang sihat akan menghasilkan kemajuan dan seterusnya akan membangun negara yang sihat.

Terdahulu dari itu, Awang Haji Abd. Ghani bin PDPD Haji Abd. Rahim Pengerusi Majlis berkata, permainan lalulintas yang ditaja oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dihasratkan bagi menanam kesedaran kepada setiap pengguna jalan raya, khususnya murid-murid agar memahami lebih mendalam peraturan dan undang-undang lalulintas demi keselamatan mereka.

Beliau yakin murid-murid yang dididik dan diberikan pengetahuan mengenai aspek keselamatan ini, akan menjadikan mereka warganegara yang berdisiplin dan bertata-tertib.

Sekolah Rendah Kerajaan Datu Ahmad telah muncul menjadi johan setelah menewaskan sembilan buah sekolah yang turut bertanding, sementara naib johan ialah Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas, ketiga Sekolah Rendah Kerajaan Pintu Malim dan keempat ialah Sekolah Rendah Kerajaan Kiarong.

Sementara penyampaian hadiah-hadiah kepada peserta-peserta yang menang dan hadiah-hadiah saguhati telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Awang Abd. Kani bin Haji Md. Salleh, Pengarah Unit Petroleum.

# PENJARA 6 BULAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Ali bin Ahmad, Guru Besar Sekolah Rendah Kerajaan, Putat, telah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada hari Khamis, 29 Ogos lepas di atas empat tuduhan menerima rasuah berjumlah $800.00.

Wang tersebut adalah sebagai hadiah daripada Haji Samat bin Haji Ibrahim, tuan punya Syarikat Haji Samat bin Ibrahim dan Anak-Anak kerana telah menyediakan dan meninggikan tuntutan-tuntutan bagi bulan Mac hingga September, 1984 ke bahagian rancangan permakanan sekolah-sekolah di Jabatan Pelajaran, untuk membolehkan lebih banyak pembayaran dibuat kepada Syarikat Haji Samat daripada yang sepatutnya berhubung dengan pembekalan barang-barang makanan ke sekolah berkenaan, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(a) dan 6(c) dari Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Awang Ali yang berusia 43 tahun telah dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan bagi tiap-tiap satu kesalahan yang mana akan berjalan serentak dan didenda sebanyak $4,000 iaitu $1,000 bagi tiap-tiap satu kesalahan, dan jika gagal akan dikenakan hukuman penjara tambahan selama tiga bulan bagi tiap-tiap satu kesalahan. Beliau juga diarahkan bagi membayar balik wang rasuah sebanyak $800.00 itu kepada Kerajaan.

# KOTA RANGERS JUARA PIALA PENGIRAN DIGADONG

Oleh: Ahat Ismail

JARINGAN gol masa tambahan kedua telah memolehkan Kota Rangers dari daerah Brunei dan Muara menjuarai PIALA PENGIRAN DI GADONG di perlawanan akhir kejohanan bola sepak bawah 18 tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini minggu lepas.

Gol tersebut dibuat oleh Ishak Haji Yusof selepas menerima hantaran baik daripada Aziz Mustafa dan sekali gus merembat masuk menewaskan penjaga gol Puspa Rangers, Wasmali Harun dengan kedudukan 2 — 1 sehinggalah ke wesel penamat.

Selain berjaya menjaringkan gol kemenangan pasukannya, Ishak Haji Yusof juga telah terpilih sebagai pemain terbaik kejohanan kali pertama ini.

Terdahulu dari itu dalam perlawanan separuh masa kedua Ishak Haji Yusof gagal menjaringkan gol, apabila beliau membuat sepakan penalti yang diberikan oleh pengadil dari Daerah Tutong. Musa Haji Libut, selepas beliau dijatuhkan oleh pemain pertahanan Puspa Rangers di depan pintu gol.

Di minit awal permainan separuh masa pertama Puspa Rangers mengejutkan Kota Rangers melalui jaringan ketua pasukan Zaini Tumin. Tetapi kegembiraan itu berakhir setakat itu saja apabila di minit ke-30 separuh masa pertama itu juga Kota Rangers berjaya menyamakan kedudukan 1 — 1 hasil jaringan Anwar Haji Ismail.

Kemudian dalam separuh masa kedua, kedua-dua pasukan tidak berjaya menghasilkan sebarang gol, meskipun mereka masing-masing sering mendapat banyak peluang untuk berbuat demikian.

Puspa Rangers sentiasa menggugat pertahanan Kota Rangers melalui serangan pemain-pemain sayap kiri dan kanan dan segala percubaan tersebut mudah dipatahkan oleh Mohd Ismaon, penjaga gol Kota Rangers.

Begitu juga Kota Rangers yang banyak membuat percubaan jauh dan dekat melalui pemain mid field mereka tidak berupaya menjaringkan gol. Kesemua peluang-peluang tersebut melepas begitu saja, sehingga perlawanan tamat dengan kesudahan seri 1 — 1.

Perlawanan diteruskan dengan masa tambahan 20 minit sesudah kedudukan seri dalam masa 90 minit perlawanan. Dalam masa tambahan kedua, akhirnya Kota Rangers berjaya menembusi gawang gol Puspa Rangers dan dengan jaringan tersebut menjadikan Kota Rangers keluar sebagai juara pertama kejohanan ini.

Kejohanan bola sepak 18 tahun ke bawah ini merupakan pertama kali dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, manakala piala yang menjadi rebutan kejohanan ini pula dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Menurut Setiausaha Perlawanan, kejohanan itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu bola sepak negara ini selain mencari bakar-bakat baru yang berpotensi untuk dilatih serta diketengahkan di masa-masa akan datang.



YANG Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussin, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan menyampaikan Piala Pengiran Digadong kepada Abdul Rajak Haji Ibrahim, Pengurus Kota Rangers. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



BARISAN pemain-pemain Kota Rangers bergambar ramai bersama-sama Piala Pengiran Digadong yang mereka menangi setelah menewaskan Puspa Rangers 2 — 1. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## MALAM ANUGERAH TOKOH BELIA SUMBILING

BANDAR SERI BEGAWAN. — Malam Anugerah Tokoh Belia Sumbiling telah memberi penghargaan kepada Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussein, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan sebagai 'Tokoh Belia Sumbiling 1985'.

Majlis penganugerahan yang telah diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini adalah sumbangan Persatuan Belia Sumbiling ke atas jasa bakti yang telah didambakan dengan penuh ikhlas oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Hj. Hussien semata-mata bagi kepentingan bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussein, bukan saja pernah memimpin persatuan tersebut tetapi juga tokoh belia yang banyak berjasa dalam kegiatan belia di negara ini dan kini menjadi Yang Di-pertua Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam.

Menurut urusetia Persatuan Belia-Belia Sumbiling, di masa-masa yang akan datang majlis seumpama itu diharapkan akan diteruskan lagi bagi mengingat dan menghargai sumbangan jasa kepada belia-belia (Tokoh Belia) yang telah mengorak langkah dan mencorakkan persatuan tersebut di samping memperkenalkan dan memperketengahkan tokoh belia kepada pewaris belia hari ini kepada generasi baru yang berada dalam pucuk pimpinan persatuan.

Dengan yang demikian mereka ini akan lebih mengenali bapak belia mereka sendiri dan menyedari serta mengikut jejak langkah tokoh-tokoh belia yang memulakan langkah dan mencorakkan pergerakan mereka sebelumnya.

Majlis penganugerahan pada malam tersebut telah dimulakan dengan bacaan puisi oleh Awg. Madahan Taha dan Malai Azizah Sh. Mohammad. Seterusnya ucapan dari Yang Dipertua Persatuan Belia Sumbiling, Yang Berbahagia Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani di samping persembahan nyanyian puisi dari pemuisi Pusat Tingkatan Enam.

Di samping itu persembahan sebuah lakonan imbasan puisi (menifestasi puisi Brunei) oleh ahli-ahli pemuisi bekas penuntut-penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Brunei juga dipersembahkan.

## Kursus Katalog

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang pegawai kanan dan Pembantu Perpustakaan dari beberapa buah jabatan kerajaan kini mengikuti kursus pendek Katalog Perpustakaan DBP di Pusat Latihan Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang.

Kursus selama enam hari itu dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Unit Latihan Pejabat Perjawatan. Kursus tersebut akan berakhir pada 22 September.



KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Manila telah mengadakan majlis sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah yang ke-39 tahun pada 15 Julai yang lalu.

Majlis tersebut telah diadakan di rumah kediaman rasmi Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Manila dan telah dihadiri oleh Menteri-Menteri, Diplomat-diplomat Asing, Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal-Ehwal Luar Filipina dan orang-orang kenamaan di Manila.

Gambar atas kelihatan Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Manila, Tuan Yang Terutama Awang Ahmad bin Haji Mohd. Yusof (kanan sekali), Tuan Yang Terutama Pacific A Castro, Pemangku Menteri Hal-Ehwal Luar Filipina (tengah) dan Tuan Yang Terutama Monsignor Bruno Torpigliani, Dean of Diplomatic Corps.

## NAIK PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat dua orang Pegawai Kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mejar Mohd Noeh bin Abdul Hamid dari Kompeni Markas (Juruiring Tentera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Leftenan Kolonel mulai 1 September 1985.

Sementara Pegawai Waten I Said bin Shari dari Kompeni Markas (Penyelenggara Padang Tembak) dinaikkan pangkat Leftenan mulai 15 Ogos, 1985.

## IKUTI KURSUS DI UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka kini berada di United Kingdom bagi mengikuti kursus yang berasingan.

Mereka ialah Awang Haji Asri bin Haji Puteh, Pegawai Penyelidik mengikuti kursus B. Sc. Social Studies di Teeside Polytechnic, Middlesbrough, Cleveland. Beliau menjalani kursus berkenaan di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (cuti tidak bergaji) selama 3 tahun.

Sementara Awang Arshad bin Haji Metali, Pembantu Bilik Gelap mengikuti kursus Diploma in Graphic, Elephant and Castle. Beliau menjalani kursus dalam perkhidmatan selama setahun.



AWANG Haji Asri



AWANG Arshad

## HANTAR PERMOHONAN SEBELUM 30 SEPT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada orang ramai yang terdiri dari rakyat negara ini yang berminat untuk berniaga ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, daging, barang-barang runcit, daging ayam, memarut kelapa dan rempah-rempah di Pasar Baru Sungai Kebun diminta menghadapkan permohonan mereka secara bersurat ke Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar tidak lewat dari 30 September. Permohonan yang dihantar lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

## Berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Ukur kini berada di United Kingdom untuk mengikuti kursus bagi mendapatkan Diploma Kebangsaan Biasa (OND) selama dua tahun.

Dayang Salmah binti Abdullah, Juruteknik Ukur dan Dk. Fatimah binti Pg. Ali, Juruteknik Rendah mengikuti kursus tersebut di De-Havilland College, Elstree Way, Borehamwood, Hertfordshire.

# 288 ORANG LAGI TERPILIH SKIM PENGURNIAAN TANAH RAKYAT JATI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 288 orang lagi pemohon terpilih mendapat kurnia tanah dalam pemilihan peringkat ketiga Skim Pengurniaan Tanah Untuk Rakyat Jati bagi semua kawasan yang telah ditetapkan di seluruh negara.

72 orang pemohon terpilih untuk ditempatkan di kawasan Lambak Kiri di Daerah Brunei dan Muara, 86 orang berjaya bagi kawasan Mumong, Kuala Belait; 84 orang pemohon bagi kawasan Lorong Tiga Selatan Seria; 45 orang bagi kawasan Telisai, Tutong dan seorang terpilih bagi kawasan Ratie, Temburong.

Berikut ialah senarai nama-nama mereka yang terpilih.

### SENARAI "A" PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN LAMBAK KIRI DAERAH BRUNEI/MUARA

Aji bin Muhammad, (008244), Sabtu bin Samat, (A00136), Awang Bongsu bin Ismail, (P01187), Pengiran Mohammad Zainal bin Pengiran Haji Metali, (030507), Haji Hamdani bin Omar, (120522), Abd. Rahman bin Yusof, (W/CARD 302), Pengiran Ahmad bin Pg. Haji Mumin, (008153), Pg. Md. Salleh bin Pg. Tuah, (115685), Samat bin Haji Bayau, (008969), Safar bin Sulaiman, (017950).

Mohammad/Mohamat bin Jumaat @ Hussin bin Jumat, (033760), Besar bin Latif, (012708), Pg. Mohammad bin Pg. Hj. Metali, (015840), Awang Marani bin Omar, (018269), Miramit bin Munap, (008718), Idris bin Dullah, (017624), Mohd. Saini bin Hj. Ahmad, (034143), Hj. Abd. Rahman bin Hj. Mohd. Daud, (000787), Pg. Yusof bin Pg. Damit, (037068), Hj. Md. Noor @ Mat Not @ Mohd. Noor bin Ahmad Shah, (030693), Kamis bin Sungguh, (022361), Zulkifli @ Julcabli bin Pehin Dato Perdana Menteri Sheih Hj. Abd. Halim, (056354), Hj. Abdullah bin Mesir, (036685).

Aidin bin Salleh, (022275), Omar bin Abd. Razak, (000756), Hj. Hawe @ Nawie bin Hj. Damit, (028785), Pg. Emran bin Pg. Bugal @ A Emran bin A Besar, (023627), Hj. Ahmad bin Hj. Md. Salleh, (038351), Amedun bin Mohammad Yassin, (020693), Haji Abadin bin Hj. Jair, (034053), Pg. Tuah @ Pg. Jeludin bin Pg. Hashim, (031201), Duraman bin Adam, (008497), Md. Hanafi bin Hj. Zulkiflly @ Hanafi bin Kepli, (022063).

Armah binti Abd. Rasit (012880), (A. Mohammed @ Mohammad bin Haji Yusof @ Yusop), (031636), Awg. Md. Daud bin Hj. Laki, (A01203), Fatimah binti Tudin, (037843), Mohammad bin Metussin, (044259), Abd. Rahman bin Hj. Damit/Awg. Hj. Damit, (037859), Md. Salleh bin Buntar, (007366), Hj. Matjusi bin Awg. Matarsat, (037519), Sarbini bin Ibrahim, (032541), Ali bin Kamis, (004542), Hj. Hosaini bin Md. Yusof @ Hj. Saini bin Md. Yusof, (026066), Jumat bin Moksin, (A00462), Abd. Raza bin Taha, (027161).

Pg. Hj. Jamaluddin bin Pg. Hj. Burut, (A00564), Pg. Mohammad bin Pg. Hj. Kahar, (028713), Maidin bin Sulaiman, (025813), Kamis bin Ali, (A01353), Pg. Idris bin Pg. Ismail, (028884), Maraji bin P R Hj. Mohiddin, (0066004), Aliakbar bin Jaya, (A00898), Matali bin Bakar, (018046), Ak. Bakar bin Pg. Metussin, (P00246), Ibrahim bin Hj. Salleh, (P00835), Ahmed bin Hamid, (047189), Ibrahim bin Aspar, (014945), Daud bin Said @ Sait, (003524), Ahmad bin Hj. Abd. Rahman, (A01290).

Sidek bin Sawal, (036713), Awg. Bijang bin Ahmad, (A01163), Suany bin Burut, (005697), Awg. Abdullah bin Hj. Abd. Wahab, (037169), Seripah binti Hj. Ahmad, (010469), Pg. Sabli bin Pg. Duraman, (039254), Mohiedin bin Ahmad, (018075), Hj. Johari bin Pehin Penyurat Hj. Omar, (026012), Mazin @ Mohd. Zain bin Hj. Damit, (006196), Mohammad bin Omar, (026381), Jumat bin Ali, (A00601), Fatimah binti Metussin, (008512), (Mat Janit bin Salleh), (A0267), Awang Aliakbar bin Muhammad, (026003).

### SENARAI "B" — PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN TELISAI/TUTONG

Pingang bin Awang (035521), Bakir bin Malim (106168), Ali bin Tarif (W/CARD 179), Ali bin Haji Hashim (P00479), Adi bin Rashid (021276), Ahmad bin Japar (025355), Sain bin Yunar (035878), Azmi bin Masilin (P01081), Galis bin Asang (033991), Hj. Hamid bin Bubong (121583), Luang bin Simpol (A00686), Yahya bin Idris (016069), Pg. Suheili bin Pg. Amzah (P00940), Mahmud bin Ajak @ Razak (028232), Simpai @ Salleh bin Said (028885), Marikan bin Malim (016059), Abdul Hadi bin Duraman (003180), Awang Dayut bin Simin (A00861), Nekman bin Idris (017063), Yaju bin Angin (A01104), Kerof bin Kula @ Kerof bin Ali (010880), Kabin bin Ujit (A00844), Tinit bin Buang (A00992), Md. Janai bin Lampoh (016305), Matussin bin Haji Metali (008770), Selaman bin Rahman (P01828), Aimi bin Kamarudin (019356), Yusop bin Seruji (A01249), Marah bin Angin (038678), Masri bin Tengah (A01470), Ishak bin Tamin (A01686), Munah binti Gapar (A16193), (Haji Nadi bin Sulaiman) (016221), Mohd Zain bin Haji Tahir (012360), Pg. Omarali bin Pg. Haji Damit (A01621), Limas bin Daud (007076), Hashim bin Hassan (A00927), Ajamain bin Hj. Marsal (025361), Bakri bin Metussin (W/C 794), Pg. Zaini bin Pg. Hitam (A00642), Awang Anik bin Hj. Ahad (A00774), Baha bin Enak (018131), Haji Zainal Abidin bin Abd Kadir (118882), Kamarudin bin Matrais (007066), Wahid bin Jaludin (A01898), Suan bin Salleh (A02386).

### SENARAI "C" PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN LORONG TIGA SELATAN, SERIA.

Kongsing bin Tarang, (011652), Madali bin Lajal, (039086), Akob @ Amzah bin Kunchol, (002773), Ladis bin Daud, (011575), Pg. Metali bin Pg. Burut, (005740), Sulaiman bin Matiasin, (039606), Abd. Rahman bin Hj. Salleh, (011404), Seroji bin Saidi, (023241), Zolkefli @ Bujang bin Duranoh, (005050), Sulaiman bin Nasir, (000954), Merali @ Marali bin Yahya, (02502).

Nawang bin Abd. Samat, (059199), Ahmad bin Hj. Serudin, (012085), Abd. Hamid bin Jaafar, (028012), Basir bin Ahim, (012083), Suhaili bin Omar, (020146), Etim bin Jambu, (010872), Awang Besar bin OKPI Hj. Layah, (P00382/016709), Ismail bin Jair, (011787), Munan bin Lupa, (038976), Hamdan bin Adi, (029663), A Hassan bin Samad, (034849), Hillin bin Utar, (035162), Mohd. Said bin Hj. Jalud, (005311), A Rahni bin Wahab, (038874).

Mohammad bin Awg. Pukol, (030472), Jamil bin Ali, (039521), Buhari bin Sabeli @ Sabli, (034964), Ibrahim bin Daud, (029565), Jumat bin Palit, (002277), Abdul Latif bin Abdullah, (P00502), Awg. Mohd. Jain bin Awg. Md. Yassin, (012244), Taim bin Upok @ Taain bin Yupok, (021995), Osin bin Akup, (020921), Hj. Zolkeflee bin Abdullah @ Lumba bin Elai, (005787).

Pg. Abd. Kadir bin Pg. Ali, (012040), Buang bin Kachi, (032810), Bakar bin Kasim, (028927), Tengah bin Hj. Metamit, (005457), Pg. Ali bin Pg. Jaafar, (000936), Abd. Rasid bin Bangun, (P00052), Jaafar bin Hj. Umar, (026782), Pg. Abbas bin Pg. Hj. Damit, (033961), Mohd. Ariffin bin Abd. Kadir, (005072), Mohammed Gerin bin Metusin, (002582), Abd. Kadir bin Mohd. Said, (029242), Rokiah binti Hj. Awg. Enchi @ Chi (015817), (Jayare bin Liassin @ Mat Yassin), (039916), Amansah bin Hj. Sulaiman, (041094).

Taha bin Said, (011691), Amit bin Matnor, (011484), Tuah bin Hj. Suldin, (005920), Pg. Mustapa bin Pg. Hj. Mat Salleh, (034596), Osman bin Hj. Abas, (011963), Md. Daud bin Moktar, (005911), Juli bin Besar, (011601), Ali bin Mohd. Said, (002468), Ahmad bin Osman, (040936), Abd. Latif bin Ibrahim, (042419), Manan bin Dullah, (005979), Jaapar bin Mohammad, (011487).

Deli bin Zakaria, (005002), Pg. Yunos bin Pg. Abas, (062797), Awg. Ibrahim bin Manggong, (005065), Mohammad bin Tengah, (035536), Damit bin Hj. Tahir, (028240), Abdul Kamis bin Ahmad, (011461), Mohammad Ali bin Hj. Yusof, (005883), Haris bin Lilah, (028065), Maidin bin Hidop, (020265), Mohd. Japar bin Haji Said, (014422).

Murah bin Tuah, (030379), Idris bin Ibrahim, (025722), Lamat bin Wahab, (018304(P00146), Julaihi bin Besar, (P01025), Ramli bin Shaffie, (012274), Md. Suni bin Mat Dikir @ Zikir, (016759), Ismail bin Hj. Mohammad Nor, (013108), Adris bin Haji Ismail, (005247), Abang bin Mohamad Salleh, (039081), Awg. Bakar bin Abd. Kadir, @ Ramli Kahar (005995), Mohin @ Adenan bin Wahab, (011734), Saimi bin Mohd. Yussuf, (012398), Zulaihi bin Hj. Mohd. Taha, (005380), Awg. Damit bin Hj. Matamit, (011490).

### SENARAI "D" PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN MUMONG/DAERAH BELAIT

Salleh bin Ludin, (005984), Dayang binti Murni, (002014), Awang Yunus bin Mohamad, @ Awg. Yunus bin Hj. Mohammad, (076588), Pg. Hj. Zainin bin Pg. Dato Hj. Abas @ Pg. Hj. Zaini bin Pg. DSLJ Hj. Abas, (020044), Buang bin Taha, (002475), Kaseh bin Amat, (012197), Ramli @ Mohd. Ramlee bin Hj. Seri, (017891), Wahab bin Mintek, (002284), Jijah binti Jahari, (011922) (Abdullah bin Ibrahim), (011924), Suhaili bin Saban, (P00304).

Ibrahim bin Kassim, (028852), Mohd. Kadir Jalani bin Jahari, (001199), Sanif bin Ladi, (029321), Hj. Jumat bin Hj. Idris, (028897), Ali bin Uteh @ Yusof bin Puteh, (020790), Zai bin Alias, (029606), Bagol bin Mohammad Ali, (000911), Harris Hj. Jali @ Aris Hj. Ali, (P01836), Zainidi bin Nurudin, (029638), Suhanie bin Ahmad, (012381), Mahali bin Hj. Md. Yusof, (031987).

Juis bin Hutar @ Juis bin Utar, (028813), Abdullah bin Metussin, (028676), Datang bin Sahat, (011861), Sikun bin Rayun, (012169), Morshidi bin Idris, (040964), Mohammed Alias bin Salleh, (020501), Abdullah bin Hussein, (020749), Mohd. Salimi bin Abdullah @ Yap bin Uyot (029874), Jasni bin Abd. Salam, (020554).

Mohammad bin Awg. Tujoh, (012203), Alias bin Abdullah, (012203), Nawi bin Sabli, (011957), Ampuan Ismail bin Ampuan Yusof, (027457), Awang Yahya bin Hj. Mokti, (034439), Zainal bin Hassan, (P00926), Pg. Matussin bin Pg. Hj. Salleh, (029060), Sipun bin Luyong, (011636), Basri bin Hj. Osman, (005436), Hamit bin Hj. Md. Yussof (000868), Ahmad bin Mohamad, (028195), Abang bin Yahya, (039262), Awg. Mohd. Salleh bin Hj. Awg. Chuchu, (002679).

Bujang bin Taha, (002615), Sulaiman bin Bungsu, (005678), Dk. Hadizah binti Pg. Md. Said (memandangkan sebagai Ketua keluarga), (002238), Hamidon bin Pukol, (056201), Mohd. Said bin Hj. Md. Yasin, (031986), Masri bin Haji Muli, (011993), Awg. bin Akop, (033293), Lia bin Muncong, (029958), Jainuddin bin Bungsu, (021893), Abu Bakar bin Raub, (021893), Ahmad bin Hassan, (020429).

Abdul Latif bin Serudin, (120766), Asmat bin Melikan @ Mat bin Melikin, (044213), Hidup bin Bakar, (002776), Liman bin Muda, (011405), Nor bin Salam, (000810), Bujang bin Ramli, (011642), Ali bin Daud, (018042), Ahmad bin Taha, (012343), Pandin bin Salam, (002132), Ismail bin Bungsu, (005630), Ali bin Mohammad, (028200), Karim bin Layar, (012311), Mat Zaini @ Zaini bin Rais, (067056), Mohammad bin Hassan, (004915), Ramli bin Kimong, (005426).

Juhari bin Handan, (028225), Fatimah binti Judin, (021019), (Ahmad bin Japar), (005764), Jumat bin Haji Tudin, (019086), Tuah bin Ahmad, (005387), Ak. Omar bin Pg. Hj. Damit, (007403), Md. Sani bin Yusof, (028416), Nayan bin Abas, (024397), Suhaili bin Ahmad, (034638), Ahmad bin Ibrahim, (002619).

Umbu bin Ahmad, (007813), Pg. Besar @ Pg. Sulaiman bin Pg. Hj. Hidop, (024328), Sanif @ Rainie bin Md. Taib, (016307), Yunos bin Hj. Ariff, (002197), Mat Jali bin Ahmad, (000807), Hjh Razamah binti Taha, (015649), (Hj. Abdullah bin Hj. Sia), (007957), Jailani bin Mohd. Noor, (012388), Marusin bin Montil, (002437).

### SENARAI "E" PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN RATAIE, DAERAH TEMBURONG

Kamaruddin bin Pungut, (013534).




## PEMOTONGAN BEKALAN AIR

BANDAR SERI BEGAWAN. Beberapa buah kampung di Daerah Brunei Muara tidak akan menerima bekalan air selama 24 jam minggu depan.

Kampung-kampung yang terlibat ialah kampung-kampung di sepanjang Jalan Muara, Pekan Muara, Jalan Mentiri, Jalan Kota Batu dan kawasan-kawasan berdekatan, seperti kelihatan dalam rajah di atas.

Bekalan air ke kawasan-kawasan itu akan dipotong dari jam 7.00 pagi, 24 September hingga jam 7.00 pagi pada hari berikutnya.

Jurutera Air Daerah (Pembekalan), Awang Yong Foh Fui berkata pemotongan itu adalah perlu bagi memudahkan kerja penyambungan paip 26 inci yang terlibat dalam pembinaan jambatan di Jalan Muara.

Katanya, pemotongan itu tidak dapat dielakkan dan sebarang gangguan adalah sangat-sangat dikesalkan.

# rtb intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# SUDUT PANDANGAN

JIKA dikira perjalanan tahun 1985 ini putaran tahun 1985 ini maka ianya sudah menunjukkan tiga suku peredaran sudah dilalui dan cuma tinggal beberapa bulan sahaja lagi tahun 1985 ini akan meninggalkan kita.

Semalam kita seolah-olah dibuai mimpi dan keenakan suasana hidup yang begitu unik kita jalani di sepanjang kehidupan di tanahair Darussalam ini. Betapa tidak sejak semalam juga tahun HIJRAH 1405 baru sahaja berlalu meninggalkan kita tanpa toleh belakang lagi perjalanannya, ianya tetap terus beredar. Cuma yang tinggal adalah kenangan pahit dan manis, suka dan duka, kecewa dan merana yang kerap bergayut di sanubari di setiap insan.

Kandatipun radio tetap beredar terus dengan aneka ragam rancangan-rancangan yang dikeudarakan menurut lazimnya tersiar pada setiap hari dan siaran mingguannya menemui pendengar dan peminatnya jua.

Ke arah inilah radio sering mengharapkan sumbangsih dari pendengar dan peminat dan tidak terkecuali para peserta yang kerap mendampingkan diri mereka dalam setiap format radio ini. Di mana rancangan-rancangan yang awda fikirkan baik, bermutu atau yang sebaliknya supaya awda akan dapat memberikan dan membuatkan sudut pandangan sekadar sekubit pun jadilah untuk radio rancah-rancahkan sebagai asam garamnya yang perlu ditokok-tambahkan. Atau setidak-tidaknya sudut pandangan dari awda itu akan dijadikan azimat dalam melutani dan memantuni lagi di setiap perancangan radio yang ada kini.

Umpamanya pendengar memberikan sudut pandangan ke arah mengutarakan pembaikan kembali mutu rancangan Drama Radio dari segi teknik penerbitan, teknik lakonan, penempatan dan penyesuaian 'sound effect' yang perlu diketengahkan dan lain-lain lagi pokok persoalannya. Di mana awda fikir baik dan bermutu dan di bahagian mana pula awda fikirkan kurang bersesuaian atau lemah dan seharusnya ditokok-tambahkan lagi begitulah sebaliknya dalam mana-mana juga perancangan yang dikeudarakan oleh radio sejauh ini.

Bertolak dari contoh pendekatan ke arah inilah radio amat mengharapkan sumbangsih yang tidak terkira dari pendengar juga dari setiap peminat yang meminati radio sampai bila-bila.

Sekiranya awda tetap menyepi jua, di manakah kekurangan atau kepincangan yang terperinci oleh radio tanpa sumbangan ihsan dari awda semua.

Jika format di sepanjang perancangan radio ini dapat kita pantuni bersama-sama, insya-Allah maka besar kemungkinan khidmat radio untuk anda tetap terus berkembang maju dari semasa ke semasa.

Insya-Allah segala sumbangsih sudut pandangan awda untuk radio itu akan tetap terabadi dalam kenangan radio sampai bila-bila selagi ianya berkhidmat untuk awda semua.

## PERTANDINGAN TALENTIME

SEBANYAK sembilan orang peserta lagi akan beradu kebolehan masing-masing pada hari Jumaat ini 20 September, 1985. Pemilihan yang terakhir bagi peringkat awal ini akan dilangsungkan di Studio A, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan bermula pada jam 9.00 pag.

Nama-nama yang tersebut di bawah ini dikehendaki hadir pada waktu dan tempat yang telah ditetapkan di atas :—

Noorizah Md. Kasim; Dk. Siti Zaleha bte Pg. Hj. Metali; Marlina Abdillah; Ak. Kamaruddin bin Pg. Abdullah; Ak. Zahari bin Pg. Chuchu; Norizah Sinin; Kong Chee Boon; Rosidiah bte Idris dan Ak. Samsai Bahri bin Pg. Mohd. Said.

Gagal untuk menghadirkan diri pada hari tersebut adalah dianggap sebagai menarik diri daripada bertanding.



## TETAMU RADIO

MINGGU ini awda akan dapat berkenalan dengan Saudari FATIMAH SRI RAHAYU, seorang guru tari dari Indonesia. Temubual Mohd. Daud Metarsad dengan beliau akan ke udara pada hari AHAD 22 September, jam 4.30 petang. Ulangannya disiarkan hari RABU jam 2.00 petang.

## Sandiwara Radio:

# "ORANG BARU, ANAKKU"

DENGAN karya yang berjudul "ORANG BARU, ANAKKU", ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini akan menampilkan karya penulis Amisah AR, Perak, Malaysia.

Penulis wanita ini mengemukakan tentang kepincangan sebuah rumahtangga yang berpunca dari tanpa adanya anak untuk penyeri dan memberikan kebahagiaan terhadap sepasang suami isteri ini.

Mahyun, isteri Amran sudah tidak merasakan kebahagiaan dalam rumahtangganya setelah suaminya mula tidak mengindahkannya sebagai seorang isteri lagi. Bagaimanapun Mahyun masih bernasib baik kerana dapat mengadukan hal itu kepada Diana adik suaminya sendiri. Hanya pada Dianalah, masalahnya itu dapat dipecahkan.

Sebagai seorang pendidik, Diana memang berkebolehan dalam menegur dan memberikan nasihat yang berguna kepada kedua-dua belah pihak. Walaupun Amran telah memberikan amaran kepadanya agar tidak mencampuri hal-ehwal dirinya dengan isterinya, tapi ia memang sudah bertekad untuk memperbaiki keadaan mereka.

Dengan alasan untuk menghiburkan diri, Amran sering berkunjung ke sebuah tempat hiburan sambil berpoya-poya dengan Rozi, seorang janda muda yang bekerja sebagai penari. Pada Rozi ia berbohong mengatakan yang ia belum berumahtangga.

Diana mengesyorkan agar Mahyun pergi berjumpa doktor dan mendapat rawatan sewajarnya sebagai usaha untuk mendapatkan anak sebagaimana yang mereka ingini. Perhubungan Amran dan Rozi pula telah diketahuinya, dan setelah ia menerangkan perkara sebenarnya, Rozi pun mula menjauhkan diri dari Amran.

Dapatkah Diana menyelamatkan rumahtangga abangnya? Bagaimana dengan anak idaman mereka, berhasilkah mereka mendapatkannya? Ikutilah siarannya pada 22 September, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Hj. Mohd. Taha.

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

KELUARAN minggu ini bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar diisikan oleh peserta yang beralamat No. 3-B, Barek Hospital Kg. Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dia ialah Ak. Ibrahim bin Pg. Hidup. Siarannya hari Selasa 24 September, 1985, jam 4.00 petang.

## Rancangan TVP dari 23 September hingga 25 September 1985

### ISNIN 23 SEPT.

PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 11

Pada rancangan kali ini kita akan dibawa untuk menyaksikan cara-cara membuat kapal terbang daripada "Straw Board".

9.20 THE EASY WAY No. 3

Dalam rancangan ini, kita akan mempelajari pelajaran "Please May I ...", perkataan-perkataan baru, serta angka-angka 7, 8, dan 9. Di "Children's Corner" pula seperti biasa kita akan menyaksikan beberapa buah kerjatangan. Sementara itu di "Playground" kita akan mendengar sebuah cerita serta sebuah lagu.

10.05 ONCE UPON A TIME ... No. 6 (The Horse And The Farmer).

Cerita ini mengisahkan kuda dan kijang terjumpa sebuah padang rumput. Kerana tamak dan ingin memiliki padang rumput itu kuda cuba menghalang kijang dengan bantuan manusia.

Untuk mengetahui kisah ini selanjutnya, jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini nanti.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 1)

Dalam kehidupan kita sehari-hari, kita banyak menggunakan alat-alat perkakas yang memerlukan tenaga letrik. Tenaga letrik dapat kita bahagikan kepada dua bahagian :

1. Tenaga letrik statik dan

2. Tenaga letrik arus.

Dalam rancangan ini, murid-murid akan belajar berkenaan dengan tenaga letrik statik.

### SELASA 24 SEPT.

PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 12

Dalam rancangan ini kita akan ditunjukkan cara-cara membuat pattern daripada kertas dan dibentuk tiga segi serta dililit dengan benang warna.

9.20 SIARAN ULANGAN THE EASY WAY No. 3

10.05 ONCE UPON A TIME ... No. 7 (The Greedy Goat and The Rabbit)

Kisah dua ekor binatang yang bersahabat baik. Ketika berjalan-jalan mereka terjumpa sebiji guni. Di dalam hati mereka ada tersimpan sifat tamak untuk memiliki isi guni tersebut. Oleh kerana tamak, mereka telah mendapat susah dan rugi. Ikutilah rancangan ini untuk mengetahui kisahnya.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 2)

Rancangan ini adalah lanjutan kepada rancangan Letrik 1. Dalam rancangan yang lalu murid-murid telah belajar mengenai letrik statik dan pada minggu ini murid-murid akan belajar mengenai letrik arus.

Apakah perbezaan di antara letrik statik dengan letrik arus. Apakah dia liter letrik. Di manakah arus letrik boleh mengalir? Untuk jawapannya ikutilah rancangan ini.

### RABU 25 SEPT.

PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 13

Pada kali ini kita akan dibawa menyaksikan cara-cara membuat anyaman ketupat daripada reben. Dan juga tungkul jagung yang digubah menjadi bunga serta mengikis (mengatis warna).

9.20 SIARAN ULANGAN THE EASY WAY No. 3

10.05 ONCE UPON A TIME ... No. 8 (The Stock And The Crab).

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 3).

Rancangan ini adalah rancangan ketiga dari siri rancangan letrik. Da'am rancangan ini murid-murid akan belajar lebih lanjut lagi mengenai letrik arus? Apakah dia liter letrik? oleh punca tenaga. Salah satu punca tenaga itu ialah janakuasa. Siapakah yang mencipta janakuasa itu? Apakah perkara-perkara yang tidak patut dilakukan terhadap perkakas-perkakas letrik? Ikutilah rancangan ini untuk jawapannya.

## Mari Memasak:

# Sayuran Rampai Sahara

BAHAN-BAHANYA :—

- 1 ekor ayam muda ambil isinya.
- 1 kati udang yang besar
- 1 kati daging manis
- 1 pohon daun kailan
- 2 kelopak kobis bunga
- 2 batang lubak merah
- 4 biji buah tomato
- 2 biji lada besar
- ½ kati kacang buncis
- 4 tahil cendawan
- 1 mangkuk pati santan
- 1 cawan taucu kuning
- 1 cawan sos cili
- 1 cawan sos tomato
- 1 cawan minyak sapi
- 1 cawan biji gajus
- 1 cawan tomato kicap.

BAHAN-BAHAN TUMIS :—

- 2 labu bawang besar
- 6 biji bawang merah
- 6 ulas bawang putih
- 1 tangkai halia muda
- secukup gula dan garam serta serbuk lada putih.

CARA-CARA MEMASAKNYA :—

Ayam dan daging dibersihkan kemudian potong empat segi, udang biarkan seekor-seekor buang kulitnya dan perutnya. Lalu masukkan ke dalam pati santan dan garam serta serbuk perasa, lada putih masaklah hingga empok.

Panaskan periuk lain tumiskan bahan-bahan kisar, goreng hingga garing dan setelah berbau wangi masukkan tomato sos, tomato kicap dan sos cili, kemudian masukkan lagi sayur-sayuran yang sudah dipotong-potong dan bersihkan serta biji gajus, gula dan garam. Akhir sekali masukkan rebusan daging ayam dan udang. Masaklah hingga sayur layu, angkat. Hidang semasa panas-panas bersama nasi putih.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 18 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FAMILY NESS
5.00 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM
5.30 FAMILY TIES: "Cry Baby"
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET
6.25 AZAN MAGHRIB
6.30 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.40 TEKA TEPAT

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES: "Relativity"
7.38 AZAN ISYAK
7.44 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 4
8.55 LIPUTAN NASIONAL
9.20 RENCANA TEMPATAN
9.50 HUNTER: "Last Kill"
10.40 BUFFALO BILL
11.10 SIARAN TAMAT

## HARI KHAMIS 19 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE: "Island of Birds"
Rancangan ini membawa kita ke sebuah pulau di Lautan Atlantik, Amerika Selatan di mana terdapat beberapa ribu dari beberapa jenis burung laut (sea birds)
6.25 AZAN MAGHRIB
6.30 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.40 FRAGGLE ROCK



ANDREW Sabiston dan Marnie McPhail memegang peranan utama dalam rancangan baru untuk muda-mudi berunsur pendidikan berjudul THE EDISON TWINS — bermula Jumaat depan kira-kira jam 4.40 petang.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Surrogates"
Cary menemukan seorang yang baru kematian isteri dengan bekas temanitanya sejak kecil. Rancangan duda untuk mengahwini wanita itu ditentang oleh anak lelakinya. Daisy pula mengendalikan kes seorang anak gadis 11 tahun yang mencarikan teman untuk ibunya yang telah janda.
7.38 AZAN ISYAK
7.42 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 5
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 HAWAIIAN HEAT: "Old Dues"
Mac dan Andy ditugaskan menyiasat satu pembunuhan yang tidak mempunyai clue seperti saksi atau pun laporan coroner.
10.40 MORECAMBE AND WISE
11.10 TAYANGAN GAMBAR "The Women's Room"
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 20 SEPTEMBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (Ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT

PETANG

1.00 THE WORLD OF ISLAM: "Islamic Knowledge"
1.30 THE YEARLING: "The History Lessons"
2.00 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.30 KONONNYA: "Asal Usul Sungai Si Amas"
2.50 E. R.
3.20 PESTA SUKAN MERDEKA
3.37 AZAN ASAR
3.41 PESTA SUKAN MERDEKA — sambungan
4.40 EDISON TWINS — Episod setengah jam ini menggabungkan sains dan penggambaran yang mengandungi unsur-unsur hiburan dan pelajaran.
5.20 PROFILES OF NATURE
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.25 AZAN MAGHRIB
6.30 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.40 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AIRWOLF: "Echoes From the Past"
Hawke terlibat dalam satu kemalangan kapal terbang dan apabila tersedar mendapati setahun telah berlalu.
7.38 AZAN ISYAK
7.42 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 6
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DRAMA SBC: "Timba-Timba Cinta" — "Pilihan"
10.00 MAGNUM: "All For One" — Bahagian II
10.50 DALLAS: "Swan Song" — (Episod terakhir)
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 21 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Occupation — Outdoor Work"
6.23 AZAN MAGHRIB
6.28 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.38 CANDID CAMERA

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Deep Cover"
7.35 AZAN ISYAK
7.40 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 7
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.10 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Mawar Jingga"
10.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: Kelakuan nakal tiga orang kadet dengan bantuan beberapa orang gadis telah membuat pentadbiran sebuah akademik tentera menjadi kucar kacir. Pelakon-pelakon: Gordon Mc Rae, Eddie Bracken, Phyelis Kirk, dll.
12.00 MUSICAL: ROCKLINE
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 22 SEPTEMBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 ITALIAN SOCCER 1985/86 SEASON
12.19 AZAN ZUHUR
12.24 ITALIAN SOCCER — sambungan

PETANG

1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Hard Knox" (Ulangan)
2.30 MUSICAL PAUL ANKA: "Sammy Chan" (siri terakhir)
3.00 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
3.30 BENSON: "Double Date"
Benson mengatur satu date untuk Clayton dengan seorang kawan temannitanya. Keangkohan Clayton membuat wanita itu benci kepadanya.
3.36 AZAN ASAR
3.40 BENSON — sambungan
4.10 TRAPPER JOHN MD: "So Little, Gone"
Seorang penagih dadah selalu pergi ke bilik kecemasan untuk memperoleh dadah dengan berpura-pura sakit telah diusir oleh Dr. Riverside.
5.10 CHILDREN'S SPECIAL: "Missing Children" Bhg. 2.
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT: 0"Electricty/Monday"
6.23 AZAN MAGHRIB
6.28 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.33 CHARLES IN CHARGE: "Trick or Treat"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STREET HAWK: "Pilot" Bhg.2
7.35 AZAN ISYAK
7.40 STREET HAWK — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 8
8.50 PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN BRUNEI
9.25 MYSTERIES, MYTHS AND LEGENDS
9.55 IT TAKES TWO
10.20 LACE II — Bhg.2
11.20 FOX MYSTERY THEATRE: "The Corvini Inheritance" Bhg. 2
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 23 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "Smurfs Halloween Special"
5.00 MIGHTY ORBOTS: "Operation Eclipse"
5.30 SEA URCHIN
6.05 IN SEARCH OF THE PAST: "The Roman Empire"
Dalam jangka beberapa kurun tentera Roman telah menumpaskan impayar berke'uasan dari Britain hingga ke Persia dan Mesir.
6.25 AZAN MAGHRIB
6.28 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.38 TEKA TEPAT

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "You One, Die Twice"
Seorang petugas dari sebuah agensi kerajaan yang lain menggunakan pengenalan (identification) Amanda telah mati dibunuh. Ini bermakna Amanda sebenarnya telah pula diistiharkan mati dan ini pula menyulitkan kehidupan seharian Amanda.
7.35 AZAN ISYAK
7.40 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 9
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 MARI MEMASAK: "Sayuran Rampai Sahara"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.50 GIVE US A CLUE
10.20 DOCUMENTARY: "Sky's The Limit"
11.10 BERRENGERS: "Best Laid P'an"
12.00 SIARAN TAMAT

## HARI SELASA 24 SEPTEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET ZOO
5.00 AMATEUR NATURALIST: "Wetlands Wilderness"
5.30 THE LITTLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.23 AZAN MAGHRIB
6.28 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.38 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.35 AZAN ISYAK
7.40 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH NO. 10
8.50 ARENA SUKAN
9.30 REKASENI
10.00 MIKE HAMMER: "A Bullet For Benny"
Seorang anak gadis pekedai minta bantuan Hammer untuk mencari pembunuh ayahnya. Hammer mendapati pembunuh itu mempunyai pertalian yang lebih jauh dari kejadian itu.
11.00 WIMBLEDON: LADIES SINGLE
11.45 SIARAN TAMAT.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 18 September, 1985.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 18 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Seloka Merpati.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 19 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

**PETANG:** 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30 Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 20 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Pertandingan Bintang Asrama, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

**TENGAH HARI:** 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Rampaian Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cergen dan Salukan.

## HARI SABTU 21 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Mutiara Asli (SU).

**PETANG:** 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang, 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 22 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

**TENGAH HARI:** 12.00 — Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Sekitar Masyarakat (SU), 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 23 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 24 SEPTEMBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Petang.

**PETANG:** 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Hiburan Malam, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan — Tinjauan (SU), 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 37th Aldeburgh Festival: Robin Graham, Saechko Gawril and Eckart Besh (side 3 of 3) |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | Talking About Music — 268/270. |

### THURSDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty Minute Theatre: Josef and Maria by Peter Turrini |
| 9.30 | Jazz at The Questors: Gerge Melly with John Chilton's Feetwarmers Orchestra Prog. 7 (side 1 of 3) |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Religious Talk: Pilgrimage, the 5th Pillar of Islam 5/13 |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 679. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | 18th Cambridge Folk Festival: With David Bramberg — 2/8. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 368/436 |
| 1.15 | Book Club: Castors Away by Hester Burton |
| 1.30 | Just for variety by duty announcer |
| 2.45 | Fifteen-Minute Theatre Always In Love Wiah Amy by Ken Whitmore |
| 3.00 | Calling On You by Ak Hishamuddin. |
| 4.00 | Chinese Programmes. |
| 8.00 | Religious Talk: Pilgrimage, the 5th Pillar in Islam 5/13 (repeat) |
| 8.15 | The World of Books. |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: Daisy Chain by Lesley Clive |
| 8.00 | Melody Time |
| 9.30 | Its All Yours (repeat). |

### SATURDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time |
| 8.30 | Animal, Vegetable Or Mineral — 39/46. |
| 9.00 | Light And Easy with the Billy Vaughan Orchestra |
| 9.30 | Top of The Pops — 1086. |

### SUNDAY

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Its All Yours ......by Ak Hishamuddin |
| 11.30 | Home from Home — A Journey to Africa — 1/4 |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | The Barry Forgie Big Band Sound with Sandra King — 7/10. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1086 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari |
| 2.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | Home From Home — A Journey to Africa 1/4 (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Betautiful Music — 16/60 |
| 9.30 | Those Were The Days — 30. |

### MONDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Fiev: The Devil's Elbow by John Tarrant |
| 8.45 | Shakespeare: The Actor's View — Edward Woodward talks about Richard III — 24/24 |
| 9.30 | The Palm Court Trio — 6/6. |

### TUESDAY

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jafar Yaakob. |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: Vintage Elton John side 1. |

### DAILY

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (relayed from the Malay Service) |
| 7.00 | Brunei's AM Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence. |
| 7.35 | Tide Times presented by Azizah Abdullah |
| 7.36 | Brunei's Am (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Friday and Sundays. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Friday and Sundays. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Lunch Break (continued) Weather Forecast Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat) |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursday. |
| 4.00 | Close for morning transmission of Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU TINGKAT KHAS

(Di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil : 122/1985—1)

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. A) PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON

(Di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 122/1985–2)

B) OPERATOR TELEFON

(Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 122/1985–3)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama tiga tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

3. TUKANG LUKIS

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 122/1985–4)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Lukisan dan Ilmu Hisab.

**Tugas-tugas :**

Membuat kerja-kerja menyurih peta dan lain-lain yang bersangkut-paut dengan Rancangan-rancangan Perpindahan.

4. TUKANG MASAK

(Di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 122/1985–5)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon lelaki atau perempuan mestilah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran.
b) Mereka mestilah mempunyai Sijil City and Guilds 855 dan mestilah mempunyai pengalaman memasak makanan Melayu, Cina dan Inggeris.
c) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak sebelum ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

5. TUKANG KAYU

(Di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 122/1985–6)

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman sebagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sebagai Tukang Kayu akan juga dipertimbangkan.

Pemohon-pemohon mestilah boleh:—

a) Menyediakan pelan-pelan yang senang dan ringkas serta membuat kerja-kerja itu.
b) Menyediakan taksiran kayu, dan barang-barang yang diperlukan untuk (a) di atas.

6. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

(Di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 122/1985–7)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III ataupun kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.
c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Parakauanan atau Ilmu Hisab.
d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 November, 1985. (E/1825/76)

## RADIO TELEVISION BRUNEI
### CONDITIONS OF TENDER

1. TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam and must be placed into the Tender Box provided at the above address not later than 12.00 noon on Monday, 7th October, 1985.
2. Tenders received later than the above date shall not be considered.
3. Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer. However, the reference number and closing date of the tender must be clearly indicated.
4. Tender documents, where applicable or further information may be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Where tender documents are issued, tender returns must be made on the forms provided.
6. Where a tender deposit is required this will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tender.
7. All tenders, which should provide the net C.I.F. by air-freight price, must also quote the latest shipment date for the goods. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of the Director of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.
8. Warranty period and conditions shall be clearly stated in any tender.
9. Tenderers agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.
10. For supply of goods by companies registered in Negara Brunei Darussalam, the goods are not to be consigned direct to Radio Television Brunei from Overseas suppliers or manufacturers and therefore must include 20% import duty (if dutiable).
11. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTICES OF TENDER

TENDER No. RTB/24/85 —

SUPPLY AND CONSTRUCTION OF FILM AND TAPE SHELVING FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

1. Tenders are invited from registered licence building contractors with previous experience in metal fabrication constructions for the tender as specified:—
"SUPPLY AND CONSTRUCTION OF FILM AND TAPE SHELVING FOR RADIO TELEVISION BRUNEI."
2. Tender documents or further information must be obtained by application to Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam during normal office hours only.
3. On collection of tender documents a deposit of B$200.00 shall be required and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tender.
4. Tender submission must be made on the tender forms provided by Radio Television Brunei.

NOTE :

IT IS ESSENTIAL THAT PROSPECTIVE TENDERERS FULLY EXAMINE THE SITE PRIOR TO THE SUBMISSION OF ANY TENDER.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PEGAWAI PERAKAUNAN DAN BANK :

(Di Jabatan Kementerian Kewangan)

(Bil : 120/1985 — 1).

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma dalam Business Studies (dengan mata pelajaran utama Akauntansi) atau mempunyai Diploma Tertinggi Akauntansi dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan.
ATAU
b) Mestilah telah dan sedang berkhidmat sebagai Kerani Perakaunan Tingkat II selama tidak kurang dari 5 tahun dan mempunyai sekurang-kurang 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (satu mata pelajaran mestilah sama ada dalam Simpan Kira, Ekonomi, Perdagangan atau Matematik atau kelulusan dalam Peringkat II dalam Peperiksaan R.S.A., L.C.C. dan yang sebanding dengannya) adalah juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Membantu Pegawai Perakaunan dan Bank mengenai dengan urusan-urusan matawang dan bank serta kerja-kerja lain yang bersangkutpaut dengannya dan perjalanan matawang di lembaga.
b) Melatih dan menunjukajar Kerani Perakaunan Tingkat II dalam soal-soal perakaunan, perangkaan, penyeliaan matawang lembaga yang tersimpan atau yang keluar/masuk.

2. KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II :

(Di Jabatan Kementerian Kewangan)

(Bil : 120/1985 — 2)

**Tanggagaji :** C. 1-2 EB. 3— $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan mempunyai pengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan selama 3 tahun. Kelulusan Peringkat Pertama L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.
ATAU
b) Mestilah terdiri dari Kerani Tingkatan III yang telah lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah dan telah berkhidmat tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang Simpan Kira dan Bank. Kelulusan dalam Peringkat Pertama Simpan Kira dan Peraturan Pejabat Peringkat Menengah dari Peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki Sijil mengikut Kursus mengendalikan 'Word Processor' adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Menerima arahan dan kerja-kerja daripada Pegawai-Pegawai atasannya dalam membantu pengendalian kerja-kerja dan penyediaan kira-kira Lembaga atau perangkaan bank-bank di Negara ini.
b) Akan menyediakan kira-kira akhir akaun Lembaga Matawang serta mengendalikan penggunaan Computer, 'Word Processor' dan 'Telex,' adalah salah satunya tugas utama mereka.

3. KETUA PENTERJEMAH :

(Di Pejabat Majlis-Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Perdana Menteri)

(Bil : 120/1985 — 3).

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5— $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Ijazah atau Diploma dalam bidang Penterjemah yang diiktiraf oleh Kerajaan.
ATAU
b) Mempunyai kelulusan Peringkat 'A' dalam Bahasa Melayu dan Kertas 'Am' (Inggeris) serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang-kurangnya 10 tahun.
ATAU
c) Pegawai-pegawai yang menyandang jawatan Penterjemah Kanan tidak kurang dari 5 tahun boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 November, 1985.

(E/961/1985).

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. PPL/49/1985

Tajuk Kerja: PEMASANGAN LETRIK UNTUK 6 BLOK FLAT KELAS "B" DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 30 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN -PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU KERETA TINGKAT II :

A. ( Di Jabatan Jerudong Park)
( Bil : 116/1985 — 1 ).
B. ( Di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan )
( Bil : 116/1985 — 2 ).
C. ( Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri )
( Bil : 116/1985 — 3 ).
D. ( Di Jabatan Perkhidmatan - Perkidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 116/1985 — 4 ).

**Sukatan Gaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas XI (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU TINGKAT I :

( Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 116/1985 — 5 ).

**Tanggagaji :** F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. MANDUR :

( Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 116/1985 — 6 ).

**Tanggagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 40 tahun.
b) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 5 tahun.

4. BURUH :

( Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 116/1985 — 7 ).

**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3 — $445-$590 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 40 tahun dan mempunyai tubuh badan yang sihat.

5. PEKERJA LUAR PENYAKIT JIWA :

( Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 116/1985 — 8 ).

**Tanggagaji :** F. 2-3-4-5 EB. 6 — $495-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Calon-calon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
b) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

**Jenis Pekerjaan :**
Menyiasat pesakit-pesakit yang menghidap penyakit jiwa, membawa pesakit yang enggan berubat ke Rumah Sakit dan menjadi penghubung di antara pesakit-pesakit, anak saudara pesakit dan Pegawai-Pegawai Perubatan.

6. FITAR TINGKAT II :

( Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan )
( Bil : 116/1985 — 8 ).

**Sukatan Gaji :** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) Lulus sekurang-kurangnya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya, atau yang mempunyai pengalaman 5 tahun sebagai Fitar Mekanik atau Fitar di kapal.
c) Mempunyai kelulusan Pertukangan "Craft Level" dalam bidang yang berkenaan adalah satu kelebihan.
d) Calon-calon akan dikehendaki menjalani satu ujian praktikal bagi menentukan kelayakan memegang jawatan ini.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**
Membantu dalam kerja-kerja merawat, memelihara dan membaiki pemasangan-pemasangan dan alat-alat mekanikal di atas kapal-kapal dan juga enjin-enjin lain di mana sahaja ditempatkan.

Am :
Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darusssalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 4 November, 1985.

( E/2966/83 ).

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for THE CONSTRUCTION OF DISTRIBUTION CABLE NETWORK AT JALAN ANGGEREK DESA CABINET 5 D.A. 5A.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12 noon on 4th October, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

CONSTRUCTION OF CABLE NETWORK AT ANGGEREK DESA CABINET 5 D.A. 5A — P 2367.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of B$400.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 09.00 hours on 30th September, 1985 at the Ground Floor, Telephone House, Telecomms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama-nama projek :

1.1 Bilangan tawaran : JKP/15/1985
CADANGAN BINAAN 83 BUAH RUMAH RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA PERINGKAT 3A

1.2 Bilangan tawaran : JKP/16/1985
CADANGAN BINAAN 82 BUAH RUMAH RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA PERINGKAT 3B.

2.0 Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 18 hingga 28 September, 1985.

3.0 Kelayakan Pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan) bagi tiap-tiap tawaran.

5.0 Tarikh tutup : Hari Isnin, 30 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran :

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada :
Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Bandar Seri Begawan,

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 28 Oktober, 1985.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh.ah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

3. Tawaran-tawaran hendak ah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendak ah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh katalog-kata'og atau risalah-risalah mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

BIL. : PROC/T/203/1985
MEMBEKAL : POLAROID CAMERA
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/204/1985
MEMBEKAL : RADIO SPARES
Cagaran : $200 00.

BIL. : PROC/T/205/1985
MEMBEKAL : SHIP SPARES
Cagaran : $200 00.

BIL. : PROC/T/206/1985
MEMBEKAL : PERALATAN TENTERA
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/207/1985
MEMBEKAL : G. M. SPARES
Cagaran : $150.00.

BIL. : PROC/T/208/1985
MEMBEKAL : PARACHUTE MAIN
Cagaran : $200 00.

BIL. : PROC/T/209/1985
MEMBEKAL : HAND HELD RADIO
Cagaran : $150.00.

BIL. : PROC/T/210/1985
MEMBEKAL : VEHICLE SPARES LR
Cagaran : $300 00.

BIL. : PROC/T/211/1985
MEMBEKAL : FAB BOAT.
Cagaran : $200.00.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk menjahit pakaian seragam Pegawai-pegawai Penjara, membekalkan kain dan upah bagi tempoh di sepanjang tahun 1986.

2. Butir-butir lanjut mengenai dengan pakaian seragam dan borang tawaran boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Semua pakaian seragam hendaklah dijahit dengan memuaskan hati Pengarah Penjara. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dijahit itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih. Benang yang digunakan bagi menjahit semua pakaian akan ditentukan oleh Pengarah Penjara.

4. Kontrak ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan "MENJAHIT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH" tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 30 September, 1985.

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## NOTIS TAWARAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 30 September, 1985 bagi MERAWAT DAN MEMELIHARA 'CLOSED CIRCUIT' TELEVISYEN DAN ALAT PEMBESAR SUARA DI BANGUNAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Butir-butir lanjut boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa di waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat tersebut mestilah ditanda dengan perkataan "THE SERVICE AND MAINTENANCE OF CLOSED CIRCUIT TELEVISION AND PUBLIC ADDRESS SYSTEM AT THE LAPAU." Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada :—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana juga tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEGAWAI JURURAWAT (KESIHATAN)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI JURURAWAT (KESIHATAN) di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: M.11—$1920-$3250 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Kelulusan S.R.N dan S.C.M yang diterima untuk pendaftaran di Malaysia dan Singapura atau kelulusan yang sebanding dengannya.

b) Mestilah lulus dan mempunyai Sijil Peperiksaan Pelawat-Pelawat Kesihatan.

c) Sebaik-baiknya boleh bertutur dalam Bahasa Melayu.

**Tugas-tugas :**

Termasuklah mengetuai Perkhidmatan - Perkhidmatan Kesihatan untuk ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak di sebarang daerah di seluruh Negara Brunei Darussalam.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 November, 1985.

(Bilangan iklan : 121/1985) (E/40/75/3).

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/140/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PROPOSED RENAL CUM ICU RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup: 25 September, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/141/1985**

Tajuk kerja: PENGGANTIAN ALAT-ALAT ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK KELAS "E", 1 BLOK KELAS "G" DAN 4 BLOK BARIK BAGI BALAI BOMBA SERIA.

Tarikh tutup: 25 September, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/143/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK STOR DI SEKOLAH INGGERIS SUFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 25 September, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" dan "B" sahaja (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/156/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF AIRPORT LIGHTS AND ELECTRICAL ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.

Cagaran: $300.00

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.- PPL/MTB/158/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BLOK PENTADBIRAN DI S.M. TUMPUAN TELISAI, TUTONG.

Tarikh tutup: 25 September, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

## MAKLUMAN

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Chua Ah Lus c/o, Soh Hee Tam, No. 59, Kg. Masjid Lama, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Fong Ah Nah yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si-pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri pada 15 Oktober, 1985, pada jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang disebutkan di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 September, 1085.

## Tawaran Stor-Stor Dan Perbekalan Negara

**BIL.: 30/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 30 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

GALVANISED, CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT. AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL.: 32/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan. Tingkat 4. Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Oktober, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam :—

BACKPACK TYPE GRASS CUTTER, POWERED BY PETROL DRIVEN 30cc. ENGINE, C/W FLEXIBLE HANDLE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL.: 31/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan. Tingkat 4. Jalan James Pearce, Ban- Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Oktober, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam :—

1. 3 Nos : "KYOWA" CLEANPACK TYPE KYC—40A
2. 3 Nos : "KYOWA" TESTPAK
3. 3 Nos : "KYOWA" HYDRAULIC PRESSURE TEST PUMP.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at :—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

by 12 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from :—

Head of Logistics & Procurement
Police Headquarters Gadong.
Negara Brunei Darussalam.

TENDER NO. 45/1985

PHOTOGRAPHIC MATERIAL FOR SECURITY PASSES

(Closing date—23 September, 1985).

45/1985

SUPPLY OF MATERIAL FOR SECURITY PASSSES

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Film — Polaroid Type 668 | 14 boxes |
| 2. | Pouches | 13 boxes |
| 3. | Clips | 13 boxes |

Closing date : 23 September, 1985 12 noon.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Oktober, 1985..

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem. ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tida berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/212/85

MEMBEKAL :
TARGET SHIP
CAGARAN : $500.00.

## JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DIMAKLUMKAN kepada semua pengurus bengkel-bengkel kereta di Negara Brunei Darussalam yang berlesen, bahawa jabatan ini sedang mendaftarkan bengkel-bengkel bagi pemeliharaan bahagian-bahagian badan dan enjin kenderaan-kenderaan di bawah kawalan jabatan ini. Bengkel-bengkel yang berdaftar dengan jabatan ini kelak akan dihubungi untuk memberikan sebut harga bagi sebarang kerja-kerja pemeliharaan kenderaan yang dimaksudkan..

Semua pengurus-pengurus Bengkel adalah dialu-alukan untuk mendaftarkan bengkel-bengkel mereka dengan menghubungi bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Jabatan Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan.

Lesen-lesen Perniagaan hendaklah dibawa bersama. Pendaf.aran ditutup pada hari Isnin 7 Oktober, 1985.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 85 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK :
CONSTRUCTION OF TUCKSHOP FOR SEKOLAH MELAYU LABI, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.

Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 86 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK :
SUPPLYING AND FIXING OF SIGNS FOR SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kua a Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.

Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: KB 87 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK :
PEMBINAAN STANDARD 2 BLOK × 12 UNIT KELAS 'E' DI JALAN MUMONG KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00

### BIL: KB 88 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK :
PEMBINAAN 4 BLOK × 6 UNIT KELAS 'B' FLAT DI JALAN MUMONG KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 339 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR407/2601
CADANGAN LEBUHRAYA ANTARA NEGERI BRUNEI/SARAWAK–LABU, TEMBURONG/LAWAS, SARAWAK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 340 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk.

PROJEK No.: 85AD/18900
KAWALAN HAKISAN DI PARIT ALUR KELUAR AIR RIBUT—PERKHEMAHAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985

Tarikh tutup: 30 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 341 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Mekanikal dan Elektrikal yang berpengalaman dan sesuai untuk:

PROJEK No.: AW416/0703
KONTRAK NO. S4—ALAT-ALAT JENTERA PAM MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DIKERJAKERJA PEMBETUNGAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 28 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 342 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBEKALKAN DAN MEMASANG CARPET JENIS TAHAN KENA AIR DI BEBERAPA BUAH BILIK JABATAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 September, 1985.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 343 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AB/01001
MEMBAHARUI SEMULA TILAM-TILAM GETAH BAGI TEMPOH SELAMA SETAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 September, 1985.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 344 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/2301
KOMPLEK BANTUAN PENTADBIRAN DI MARKAS PENANJONG BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 345 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Hawa Dingin) untuk:

PROJEK No.: AD419/1001
PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN BANGUNAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 14 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 346 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 1, 37 BUAH JENIS 1 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 347 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO.2, 24 BUAH JENIS 2 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 348 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR414/0140
KUMPULAN NO. 3, 19 BUAH JENIS 3 PERUMAHAN HARGA MURAH DI LAMBAK KIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 7 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 349 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/17200
CADANGAN BENGKEL DI DEPOT SINARUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985.

Tarikh tutup: 30 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 350 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13700
KERJA-KERJA PEMBAHARUAN DAN TAMBAHAN STESEN PEMANCAR RADIO DAN TELEVISYEN, JALAN BERAKAS, PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 351 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR414/0139
PERSEDIAAN, PERUSAHAAN, PEMBEKALAN DAN PENANAMAN POKOK-POKOK KAYU BAGI PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 352 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AW/049
SAMBUNGAN PEMBETUNG DARI PANGGONG BOLKIAH KE PEMBETUNG KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 September, 1985.

Tarikh tutup: 2 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.1 Bilangan tawaran: JKP/17/1985

1.0 Nama projek:
CADANGAN BINAAN OPIS (SITE OFFICE) BAGI KAKITANGAN PEMELIHARAAN DI JALAN SURAPIT, KG. JAYA BAKTI, PERPINDAHAN, BERAKAS.

2.0 Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam
mulai hari Rabu 18 hingga 28 September, 1985.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas 'C' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (dokumen)

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 30 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal),
Tingkat Tiga,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berangkat menyaksikan pameran gambar-gambar JHEU — Gambar Oleh Ak Bahar/Pg. Hj. Yaakub.

# PUSAT DAKWAH ISLAMIAH DIBINA PERINGATI TAHUN HIJRAH 1400

Oleh Ahat Ismail

PULAIE. — Pembinaan Pusat Dakwah Islamiah diasaskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan kurun Hijrah ke-15 iaitu 1,400 Hijrah, sebagai peringatan kekal memperingati kedatangan tahun Hijrah 1,400.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperuntukkan sejumlah 10 juta ringgit bagi rancangan tersebut dan kemudiannya ditambah lagi menjadikan 17 juta ringgit.

Sementara itu fasa ketiga pembinaan pusat tersebut akan dijalankan tidak lama lagi di mana akan mengandungi bangunan-bangunan baru yang terdiri daripada bilik-bilik syarahan, surau, perpustakaan, asrama dan lainnya.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim menyatakan demikian dalam sembah ucapan alu-aluannya di majlis Pembukaan Rasmi Pusat Dakwah Islamiah di sini Isnin lalu.

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menyatakan dalam memperkuatkan perjalanan Pusat Dakwah Islamiah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam telah memperkenankan bagi diadakan Peraturan Khas di bawah kuatkuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi 1955 dan dengannya wujudlah satu Lembaga Penasihat bagi pusat tersebut yang akan menjalankan tugas-tugas memerhati dan melihat perjalanan Pusat Dakwah.

Sebagai sebuah institusi mengenai perkembangan Islam, Pusat Dakwah Islamiah tersebut antara lain dicadangkan akan menjalankan kajian dan penyelidikan hal-ehwal Islam, Dakwah Islamiah, kajian dan Tahfiz Al-Quran dan lain-lain.

Sempena Pembukaan Rasmi Pusat Dakwah itu sebanyak tiga acara berasingan telah dijalankan iaitu: —

* Pameran perkembangan Islam di Brunei yang berlangsung di dewan pameran pusat itu. Pameran tersebut mengandungi kesan-kesan sejarah kedatangan serta perkembangan Islam dari sejak kira-kira enam ratus tahun yang lampau.
* Menganjurkan peraduan tulisan jawi yang terbuka kepada penulis-penulis khat di negara-negara ASEAN. Seramai 46 orang penulis khat telah menyertakan karya mereka yang berjumlah 113 buah karya.
* Manakala ketiga ini ialah Seminar empat hari bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai Tadbir, Pegawai Ugama dan Pegawai Pelajaran, mengenai dengan Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah. Melalui seminar ini ianya akan diharapkan dapat menambahkan kefahaman pegawai-pegawai berkenaan tentang akidah tersebut yang menjadi dasar ikutan kerajaan selama ini.

# ENAM KERTAS KERJA DIBENTANGKAN

PULAIE. — Sebanyak enam buah kertas kerja telah dibentangkan di Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah yang telah berlangsung selama empat hari di Pusat Dakwah Islamiah di sini sempena Pembukaan Rasmi Pusat Dakwah Islamiah.

Antara tajuk-tajuk kertas kerja yang telah dibentangkan itu ialah Dasar-dasar Ahlussunnah Wal-Jemaah; Perlunya Aqidah Ahlussunnah diperkembangkan dan dipertahankan; Penyelewengan dari dasar aqidah Ahlussunnah pada masa sekarang dan sasaran untuk mengatasinya; Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah Dalam Pendidikan; Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah Dalam Pentadbiran Negara dan Peranan Aqidah Dalam Pendidikan Islam sebagai asas untuk pembangunan umat (Nation Building).

Penulis-penulis kertas kerja itu terdiri dari penulis-penulis Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia. Dari Negara Brunei Darussalam ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Aziz bin Juned; Yang Mulia Ustaz Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin dan Yang Mulia Ustaz Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim.

Sementara penulis Malaysia pula terdiri dari Profesor Madya Dr. Sulaiman bin Haji Yassin dan Dr. Muhammad Kamal Hassan, Universiti Islam Antarabangsa. Manakala penulis dari Indonesia pula ialah Yang Mulia Kiyai Haji Mahibuddin Wali.

Tujuan seminar itu diadakan ialah bagi meningkatkan dan menyebarkan kefahaman umat Islam terhadap Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah sebagai satu-satunya aliran yang boleh memperkuatkan kedudukan umat Islam dan boleh menyatupadukan dunia Islam dalam usaha mereka menegakkan Islam dan dakwah Islamiah di arena antarabangsa.

Tujuan kedua ialah pada membersihkan Ugama Islam dari pengaruh ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng yang memecahkan perpaduan umat Islam.

Di hari pertama kursus itu diadakan pada hari Isnin 16 September kertas kerja telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam. Tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah Perlunya Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah Diperkembangkan dan Dipertahankan. Ianya dipengerusikan oleh Awang Haji Mahali bin Haji Abdullah.

Pada hari kedua pula sebanyak tiga buah kertas kerja dibentangkan. Tajuk Dasar-Dasar Ahlussunnah Wal-Jemaah telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Kertas kerja kedua dengan tajuk Penyelewengan Dari Dasar Aqidah Ahlusunnah Wal-Jemaah Pada Masa Sekarang dan Saranan-Saranan Untuk Mengatasinya disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sulaiman bin Haji Yassin.

Sementara kertas kerja ketiga ialah Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah Dalam Pendidikan yang dibentangkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar Negara Brunei Darussalam.

Pada 18 September, hari ketiga seminar dijalankan sebanyak tiga kertas kerja juga telah dibentangkan. Kertas kerja yang dibentangkan itu ialah Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah Dalam Pentadbiran Negara yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Kertas kerja bertajuk Perlunya Aqidah Ahlussunnah Diperkembangkan Dan Dipertahankan telah disampaikan oleh Kiyai Haji Mahibuddin Wali dengan dipengerusikan oleh Ustaz Awang Haji Abdul Mokti bin Mohd. Daud. Dan kertas kerja yang ketiga dengan tajuk Peranan Aqidah Dalam Pendidikan Islam Sebagai Asas Untuk Pembangunan Umat (Nation Building) telah diceramahkan oleh Ustaz Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

Sementara di hari terakhir seminar itu dua lagi kertas kerja telah dibentangkan. Ceramah pertama telah dibentangkan oleh Dr. Muhammad Kamal Hassan dengan tajuk Peranan Aqidah Dalam Pendidikan Islam Sebagai Asas Untuk Pembangunan Umat (Nation Building).

Kertas kerja terakhir yang dibentangkan di seminar itu ialah Penyelewengan Dari Dasar-Dasar Ahlussunnah Wal-Jemaah Pada Masa Sekarang Dan Saranan-Saranan Untuk Mengatasinya. Tajuk ini dibentangkan oleh Ustaz Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.

# Tingkatkan fahaman Aqidah

Dari muka 1

Untuk mencapai tujuan itu, titah Baginda, sangatlah kena pada tempatnya bagi Pusat Dakwah Islamiah ini menjadi sebuah institusi perkembangan Dakwah Islam di negara ini dan mempertinggi pengetahuan rakyat berhubung dengan ajaran-ajaran Islam.

Dalam hubungan itu, Baginda Yang Di-Pertuan juga berharap supaya diadakan kerjasama dan pertukaran maklumat-maklumat dengan negara-negara Islam yang lain berhubung dengan perkembangan Dakwah Islam secara teratur dan berkesan untuk menambahkan berkesannya usaha ke arah pencapaian tujuan-tujuan itu.

Baginda selanjutnya bertitah perlunya pegawai-pegawai menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan gigih dengan kerjasama pegawai-pegawai jabatan lain serta seluruh umat Islam di negara ini demi meninggikan syiar Islam dan meningkatkan taraf pemikiran dan ilmu pengetahuan rakyat negara ini memandangkan tujuan pusat itu sangat besar.

**MEMPERKUKUH**

Mengenai dengan Seminar Kefahaman Aqidah Ahlussunah Wal-Jemaah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap supaya pegawai-pegawai Kerajaan khasnya umat Islam negara ini umumnya akan dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap Aqidah Ahlussunnah Wal-Jemaah dan memperkukuhkan aqidah mereka.

Menurut Baginda, seminar seumpama itu sangatlah sesuai diadakan kerana Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan Mazhab Ahli-Sunnah Wal-Jemaah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, dengan seminar itu nanti para peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan dasar-dasar dan pentadbiran Kerajaan memahami seluas-luasnya Aqidah Ahli-Sunnah Wal-Jemaah dan seterusnya mereka akan dapat mempertahankan aqidah mereka dan menjauhi pengaruh dan aliran mazhab yang selain daripada Ahli-Sunnah Wal-Jemaah.

"Dengan tingginya pengetahuan dan kukuhnya aqidah maka teguhlah keimanan dan ketakwaan kita untuk membolehkan kita menghayati suruhan-suruhan ugama terutama amalan ibadat sehari-hari dengan sempurna di samping dapat mengenali larangan-larangan ugama dengan pasti serta dapat menjauhi diri dari larangan-larangan itu dengan perasaan yang tetap," titah Baginda.

Berhubung dengan peraduan Menulis Khat ASEAN, Baginda bertitah peraduan itu adalah merupakan satu usaha Negara Brunei Darussalam dalam perkembangan tulisan jawi.

# Penyampaian hadiah Menulis Khat 29 Sept.

PULAIE. — Urusetia Peraduan Menulis Khat Asean memaklumkan bahawa Majlis Penyampaian Hadiah-Hadiah kepada pemenang-pemenang yang telah berjaya dalam Peraduan Menulis Khat Asean anjuran Kerajaan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Pusat Dakwah Islamiah yang telah dijadualkan pada 19 September, 1985 dengan ini adalah ditunda kepada tarikh 29 September, 1985, mulai jam 9.00 pagi, bertempat di Pusat Dakwah Islamiah.

Dalam peraduan itu dua orang peserta negara kita telah mendapat tempat pertama. Mereka ialah Awang Haji Metussin bin Haji Ahmad dan Awang Sabtu bin Surat.

Sebanyak 113 buah tulisan khat karya 46 orang penulis khat dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia menyertai peraduan itu.

Peraduan itu dianjurkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam sempena pembukaan rasmi Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.